

## **BAB 2**

### **KAJIAN TERDAHULU DAN KERANGKA TEORI**

#### **2.0 Pendahuluan**

Di dalam bab ini penulis akan membincangkan beberapa aspek utama seperti kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu berkenaan implikatur dan teori yang menjadi dasar pengkajian mereka. Aspek utama yang akan dibincangkan oleh penulis secara mendalam adalah berkenaan gabungan teori semantik sistem penuh dan teori relevan yang menjadi teori utama yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini akan dimulakan dengan penerangan tentang ilmu pragmatik yang menjadi satu subjek penting di dalam kajian ini.

#### **2.1 Pragmatik Dan Bidang Pengkajiannya**

Bidang pragmatik bukanlah satu bidang yang baru diperkenalkan atau dibicarakan oleh ahli-ahli linguistik malahan bidang ini semakin mendapat tempat di kalangan ahli-ahli linguistik. Grice ( 1975), Austin (1962) dan Searle (1969) telah memformulasikan beberapa kaedah pentafsiran makna yang pada masa sekarang secara utuhnya dikenal sebagai kaedah pragmatik (Zulkifley Hamid, 1991:571). Namun yang demikian, orang pertama yang telah mewujudkan istilah pragmatik ialah Charles Morris (1938). Dalam buku beliau yang bertajuk *Foundations of the Theory of Signs* (1938), beliau telah membezakan definisi untuk sintaksis (syntax), semantik dan pragmatik. Menurut beliau, pragmatik ialah kajian tentang perhubungan antara lambang-lambang dengan pentafsir lambang-lambang tersebut ataupun pengguna lambang-lambang tersebut. Morris juga turut melihat unsur-unsur yang tersirat yang diwakili oleh lambang-lambang tertentu

dalam sesuatu ujaran yang dihasilkan. Melalui kajian yang telah beliau jalankan, Morris telah mengelaskan pragmatik itu sebagai bidang yang berkaitan dengan teori-teori interpretasi ujaran, di mana ujaran-ujaran yang dihasilkan itu mengandungi unsur-unsur yang tersirat yang boleh difahami dengan menginterpretasi unsur-unsur tersebut. Walau bagaimanapun, kajian Morris tentang unsur yang tersirat itu masih kabur (Fatimah Subet, 1999:27 ).

Bertrand Russell (Zulkifley Hamid, 1991:570) berpendapat bahawa sesuatu kata mempunyai makna yang kabur, dan makna yang jelas hanya dapat diperoleh dengan melihat cara penggunaannya; penggunaannya dahulu dan makna diperoleh melalui penggunaan itu. Pandangan yang diberikan oleh Bertrand Russell adalah hasil daripada sokongan beliau terhadap pandangan yang diutarakan oleh Wittgenstein (Zulkifley Hamid,1991). Beliau menyatakan bahawa:

“Untuk sebahagian besar kes, walaupun tidak untuk semua, apabila kita menggunakan perkataan ‘makna’, maksudnya ialah makna sesuatu kata bergantung pada cara penggunaannya dalam sesuatu bahasa”.

Apa yang dimaksudkan dari pernyataan ini adalah makna bagi sesuatu kata itu bergantung kepada cara ia digunakan dalam sesuatu bahasa itu. Gazdar (Zulkifley Hamid 1991:571) dalam buku beliau iaitu *Pragmatic, Implicature, Presupposition And Logical Form* menyatakan bahawa:

“Topik pragmatik adalah aspek makna pertuturan yang tidak dapat di nilai dengan merujuk secara langsung kepada keadaan kebenaran (truth conditions) ayat-ayat yang telah dituturkan”.

Sementara itu Zulkifley Hamid (1991:570) pula menyatakan bahawa :

“Proses penggunaan bahasa manusia begitu beragam sifatnya. Penganalisan makna ternyata tidak sahaja terhad kepada penganalisan makna perkataan dan corak hubungan struktur antara perkataan-perkataan yang membina sesuatu ayat. Penganalisan makna menjangkau ruang litup yang lebih jauh daripada itu, iaitu melibatkan seluruh aspek keperihalanan keadaan penggunaan dan pengguna. Untuk tujuan ini, kaedah-kaedah semantik sahaja tidak memadai. Hanya dengan menggunakan kaedah-kaedah pragmatic sahaja, pentafsiran makna dapat dilakukan dengan cara yang lebih tepat dan sah”.

Pandangan yang cuba disampaikan oleh Zulkifley Hamid (1991) adalah untuk mencari sesuatu makna. Analisis yang dijalankan hanya pada peringkat ayat semata-mata tidak dapat memberi jawapan yang sah kerana analisis sesuatu makna itu harus dilihat dari pelbagai aspek seperti pengguna dan keadaan penggunaan (konteks) bahasa tersebut yakni merujuk kepada faktor-faktor bukan linguistik.

Berdasarkan kepada hujah yang diberikan dapatlah dikenalpasti bahawa bidang pragmatik adalah bidang yang mengkaji struktur dalaman bahasa dan memberi penjelasan tentang bagaimana bahasa itu digunakan serta mentafsir makna mengikut penggunaan bahasa dalam pelbagai konteks. Analisa makna dengan hanya merujuk kepada makna perkataan dan perhubungan sintaksis yang dibentuk oleh perkataan-perkataan di dalam sesebuah ayat kadangkala menghasilkan makna yang tidak tepat. Pragmatik mengambil kira faktor-faktor penting iaitu faktor-faktor bukan linguistik yang diabaikan oleh kaedah semantik. Kemampuan semantik hanyalah menghuraikan makna yang tersurat atau makna literal, bagi pragmatik pula, ia bukan sahaja mampu menghuraikan makna yang tersurat, malahan mampu menghuraikan ayat-ayat yang mempunyai makna tersirat.

Di bawah bidang pragmatik terdapat tiga gagasan utama yang menjadi topik perbincangan di kalangan ahli-ahli linguistik iaitu implikatur (implicature), praandaian (presupposition) dan lakuan tuturan (speech-acts). Ketiga-tiga gagasan utama inilah yang menjadi tunjang utama kepada pengkajian pragmatik. Justeru kajian ini akan memberi tumpuan yang khusus kepada salah satu bidang yang melibatkan pengkajian makna yang tersirat dan literal iaitu implikatur.

## 2.2 Implikatur : Definisi dan Konsep

Implikatur (implicatures) telah diperkenalkan oleh Grice (1975). Konsep implikatur ini telah diperbincangkan dalam William James Lectures (1967) di Universiti Harvard, dengan judul *Logic and Conversation* (1975:52) (Raja Masittah Raja Ariffin, 1990:473). Istilah ini menjadi popular dan kajian-kajian mengenai implikatur terus diperbincangkan dan mendapat tempat di kalangan ahli-ahli bahasa sama ada di Barat mahupun di Malaysia. Stanford Encyclopedia of Philosophy (2005) menyatakan bahawa:

“An implicature is something meant, implied or suggested distinct from what is said”.

Daripada pernyataan di atas, implikatur merupakan sesuatu yang bermakna dan sesuatu yang dibayangkan dalam ujaran serta berupa bentuk cadangan yang sama sekali berbeza daripada apa yang diujarkan dalam sesebuah pertuturan. Sementara itu Laurence R. Horn (2004) menyatakan bahawa :

“Implicature is a component of speaker meaning that constitutes the aspect of what is **meant** in a speaker

utterance without being part of what is said. what speaker intends to communicate is characteristically far richer than what she directly expresses...”

(The Handbook of Pragmatics 2004:3)

Daripada definisi di atas, implikatur merupakan satu komponen yang wujud dalam pertuturan di mana makna atau sesuatu yang diimplikasikan oleh seseorang penutur berbeza daripada apa yang diujarkan oleh penutur tersebut. Apa yang di ujarkan oleh seseorang penutur itu tidak sama dengan apa yang ingin beliau maksudkan. Sebagai contoh:

Alan : Are you going to Paul’s party?

Barb : I have to work.

(Stanford Encyclopedia of Philosophy 2005)

Daripada contoh di atas Barb menyatakan bahawa beliau tidak akan pergi ke parti Paul. Namun ayat yang dituturkan oleh beliau tidak menyatakan atau mengujarkan keinginan untuk tidak pergi ke parti Paul secara terus terang sebaliknya beliau mengimplikasikan keinginan untuk tidak pergi ke parti Paul dengan ayat ‘I have to work’. Apa yang diimplikasikan oleh Barb inilah yang dikatakan sebagai implikatur. Menurut Searle (1975:265-6 ) implikatur juga dikenali sebagai *indirect speech act* iaitu pertuturan yang tidak dinyatakan secara terus terang. Dalam contoh tadi Barb telah menunjukkan pernyataan secara tidak terus terang (iaitu tidak mahu pergi) dengan ujaran ‘ I have to work’.

Grice (1975) juga turut menyatakan bahawa penutur bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kehadiran implikatur perbualan mesti disedari oleh pendengar dan mudah pula bagi pendengar menginterpretasikannya. Selain dari itu, Grice (1975) juga turut memberikan penerangan tentang konsep makna di dalam sesuatu ayat iaitu apa yang dipentingkan oleh beliau ialah tentang apa yang ingin disampaikan atau tujuan sebenar penutur (what is conveyed) dan bukan apa yang diperkatakan (what is said). Pandangan yang diutarakan oleh Grice (1975) telah dibuktikan oleh Fatimah Subet (1999) dalam kajian beliau berkaitan kewujudan implikatur dalam pantun melayu Sarawak. Sebagai contoh :

Kacang puteh kacang kuda  
Dijual tambu di kaki klinik  
Kasihmu tuan sudah berbeda  
Tidak dapat *macam* selamak

Daripada contoh pantun di atas, menurut Fatimah Subet (1999), perkataan *macam* dalam baris terakhir maksud pantun tersebut sebenarnya merupakan implikatur. Penggunaan perkataan *macam*, dapat diandaikan bahawa dahulu wujud ikatan kasih yang amat mendalam antara sepasang kekasih ataupun suami isteri. Walau bagaimanapun, kasih sayang yang wujud antara dua orang pasangan ini telah pudar dan sudah berubah, ekoran perubahan yang di rasai oleh salah seorang pasangan tersebut. Justeru perkataan *macam* memberi gambaran tentang kerisauan hati si pengujar pantun apabila kasih pasangannya yang seakan pudar dan sudah berubah dan menerusi perkataan *macam* ini merupakan makna yang melangkaui makna yang literal.

Selain itu, kajian daripada Fazilah Mat Zain (2004:36) yang berkaitan dengan interpretasi makna figuratif menunjukkan kewujudan ayat-ayat yang terdapat di dalam

sajak merupakan ayat-ayat yang melangkaui makna literal yang juga boleh dikaitkan dengan kewujudan implikatur. Sajak yang di dapati daripada *Antologi Puisi 25 Penyair: Lagu kehidupan* dan rangkap sajak ini terdiri daripada:

Tidur di atas sofa di bawah rimbunan pohon  
di tepi laut dan angin segar lebih baik daripada  
berkata-kata kepada pelangi yang melengkung  
di gigi langit ( A. Wahab Ali, 1983)

Daripada rangkap sajak yang dinyatakan, ayat yang bergaris dalam rangkap sajak tersebut merupakan ayat yang mempunyai maksud yang tersirat yakni implikatur. Apa yang ingin disampaikan ialah percakapan seseorang dengan pelangi adalah perbuatan yang sia-sia kerana pelangi tidak akan memberi sebarang tindak balas seperti mana apabila manusia berbual sesama manusia. Pelangi merupakan cahaya yang muncul di kaki langit selepas hujan dan merupakan satu kejadian alam. Selain itu sebaris ayat daripada puisi *Anak Pelacur* (1983) yang ditulis oleh M. Latif Mohidin iaitu:

Nasinya dari nanah-nanah

Ayat di atas yang merupakan salah satu ayat dalam sajak yang telah dinyatakan sebelum ini membawa maksud tentang makanan yang dimakan oleh golongan miskin adalah terdiri daripada makanan yang tidak elok, yang diibaratkan sebagai nanah. Nanah merupakan lambang sesuatu yang kotor dan jijik yang sesuai dengan keadaan kemelaratan hidup golongan ini. Berdasarkan kajian Grice (1975) tentang implikatur beliau telah memperkenalkan satu prinsip yang dikenali sebagai prinsip saling bekerjasama (co-operative principle). Prinsip saling bekerjasama yang diutarakan oleh Grice (1975) ini telah dibahagikan kepada empat maksim. Setiap maksim yang di

utarakan oleh beliau mempunyai syarat utama yang menjadi garis panduan kepada maksim tersebut. Maksim-maksim tersebut terdiri daripada :

**a) Maksim Kuantiti**

Syarat utama :

- i) Jadikan sumbangan ( perbualan) anda seberapa informatif yang boleh.
- ii) Jangan jadikan sumbangan maklumat tersebut melebihi daripada sepatutnya.

**b) Maksim Kualiti:**

Syarat utama:

- i) Nyatakan apa yang benar sahaja.
- ii) Jangan nyatakan yang anda kurang mempunyai bukti.

**c) Maksim Relevan**

Syarat utama :

- i) Sumbangan hendaklah relevan
- ii) Katakan yang berkaitan dengan topik perbualan sahaja ( be relevant).

**d) Maksim Perlakuan:**

Syarat utama:

- i) elakkan kesamaran dan ketaksaan dalam ungkapan
- ii) perbualan hendaklah ringkas, dan
- iii) perbualan hendaklah tertib


(Jurnal Dewan Bahasa 1991 )



Menurut Grice (1975) apabila seseorang (penutur) itu berkomunikasi, maksimum yang telah dinyatakan di atas akan dipatuhi oleh penutur. Sekiranya seseorang (pendengar) itu mendengar pertuturan yang melanggar salah satu maksimum di atas, maka beliau perlu merujuk kepada implikatur untuk membolehkannya mendapatkan makna sebenar yang hendak disampaikan oleh penutur. Maksimum-maksimum di bawah prinsip kerjasama ini seolah-olah menjadi peraturan dalam perbualan. Penutur yang berhajat untuk menyampaikan maklumat adalah dinasihatkan agar mematuhi kesemua prinsip dan maksimum yang telah ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian akan dianggap melanggar tatacara perbualan yang berkesan dan mungkin akan menggagalkan tujuan sebenar perbualan. Grice (1975) juga menyatakan bahawa implikatur bukan merupakan inferens semantik tetapi berlandas pada dua kandungan dalam ujaran (Norhashimah Jalaluddin 1992:677) iaitu:

- a) Apa-apa yang diperkatakan (peringkat semantik)
- b) Beberapa andaian khusus tentang sifat semula jadi prinsip perbualan bagi interaksi dalam komunikasi sehari-hari (peringkat pragmatik).

Daripada pernyataan di atas inilah Grice telah mengemukakan perbezaan di antara semantik dan pragmatik dengan konsep *apa yang diperkatakan* dengan *apa yang diimplikasikan*. Apa yang diperkatakan meliputi aspek semantik manakala apa yang diimplikasikan meliputi aspek pragmatik. Huraian berkenaan peringkat semantik dan peringkat pragmatik boleh dilihat dengan jelas berdasarkan rajah di halaman sebelah:



**Rajah 2.1**

Berdasarkan rajah di atas, dapat dilihat pembahagian yang dikemukakan oleh Grice berkenaan peringkat semantik dan peringkat pragmatik. Pembahagian ini adalah bertujuan untuk dijadikan sebagai panduan analisis interpretasi sesebuah ujaran (Norhashimah Jalaluddin 1994:64). Daripada rajah di atas, terdapat pembahagian jenis implikatur yang dibahagikan kepada dua bahagian yang terdiri daripada:

- a) Implikatur konvensional
- b) Implikatur perbualan

### **2.2.1 Implikatur Konvensional**

Implikatur konvensional atau dikenali juga sebagai implikatur umum melihat kepada penggunaan sesetengah perkataan dalam ujaran yang selalunya (walaupun tanpa

kehadiran persekitaran yang istimewa) akan membawa implikatur-implikatur tertentu.

Contohnya:

A: Ali bujang.

Menurut Carston ( Norhashimah Jalauddin1994:102), jika satu-satu perkataan itu kabur dan maknanya hanya akan diketahui melalui konteks, maka ayat itu juga dianggap sebagai implikatur iaitu implikatur umum. Perkataan bujang akan hanya diketahui maknanya secara tepat berdasarkan konteksnya sahaja.

### 2.2.2 Implikatur Perbualan

Implikatur perbualan atau dikenali sebagai implikatur khusus mempunyai faktor istimewa yang dimiliki dalam konteks ujaran dan selalunya tidak hadir secara terang dalam ayat yang diujarkan (Norhashimah Jalauddin1994:102). Contohnya:

A: Nak tengok wayang ?

B: Ada kuliah

Daripada contoh dialog di atas apa yang diimplikasikan oleh B kepada A adalah tidak mahu. Walaupun B tidak menyatakan secara terus terang dengan ayat tidak mahu, jawapan yang diberikan oleh B dengan **Ada kuliah** sudah cukup menggambarkan beliau tidak mahu mengikut A menonton wayang.

Walaupun kajian yang dikemukakan oleh beliau agak ringkas tetapi telah berjaya menarik minat ramai ahli-ahli bahasa untuk sama-sama membincangkan konsep

implikatur dengan lebih mendalam. Di antaranya seperti Gazdar (1979) yang menyatakan bahawa implikatur merupakan satu bentuk proposisi yang diimplikasikan oleh ujaran bagi ayat yang berkonteks, walaupun proposisi itu bukan merupakan sebahagian daripada apa yang diperkatakan.

Sementara itu Carston (1988) pula berpendapat bahawa implikatur ialah mengenai mesej tersirat yang cuba disampaikan dengan ujaran yang tersurat. Implikatur melibatkan apa-apa yang diujarkan secara eksplisit dan apa-apa yang dilahirkan secara implisit. Pandangan yang di kemukakan oleh Gazdar dan Carston adalah berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh Grice. Menurut Levinson (1983) implikatur berada di luar jangkauan organisasi bahasa, melibatkan interaksi dan mempunyai kesan mendalam ke atas struktur bahasa.

Pandangan ahli-ahli bahasa di Barat tentang implikatur, turut mendapat perhatian ahli-ahli bahasa di Malaysia. Di antaranya seperti Norhashimah Jalaluddin (1992:677) berpendapat bahawa implikatur dalam ertikata yang mudah ialah mesej yang tersirat yang cuba disampaikan dalam perbualan. Mesej yang diperolehi merupakan mesej yang dideduksikan daripada apa-apa yang diperkatakan. Menurut Jamaliah Mohd Ali (1996), beliau mendefinisikan implikatur sebagai kajian yang melibatkan aspek-aspek makna yang tidak diliputi oleh bidang semantik. Katanya lagi, tetapi kita juga harus mengetahui batasan makna yang diliputi termasuk ironi,metafora dan juga kandungan komunikasi yang implisit dalam sesuatu ujaran (Ramlee Bin Hamad1999:30).

Hasil daripada pandangan yang diberikan oleh ahli-ahli bahasa di Barat mahupun di Malaysia, pengkaji berpendapat bahawa apa yang dikatakan sebagai

implikatur melibatkan makna yang melangkaui makna yang literal. Walaupun seseorang penutur itu mengujarkan sesuatu di dalam ujaran beliau, namun apa yang cuba disampaikan atau diimplikasikan adalah jauh berbeza daripada apa yang sedang beliau perkatakan. Ujaran tersebut mempunyai maksud yang lain yang cuba disampaikan dalam sesebuah pertuturan. Justeru aspek penting yang ditekankan dalam memahami apa yang dikatakan sebagai implikatur adalah mesej yang tersirat dalam ujaran yang tersurat, mempunyai kesan yang mendalam ke atas struktur bahasa (apa yang diimplikasikan) dan bukan sebahagian daripada apa yang diujarkan.

### **2.3 Sorotan Kajian Terdahulu**

Di Malaysia aspek implikatur turut mendapat perhatian para ahli bahasa tempatan. Di antaranya ialah Norhashimah Jalaluddin yang telah menjalankan kajian beliau pada tahun 1991 berkenaan dengan ketersiratan makna atau mesej dalam tulisan beliau yang bertajuk *Keimplisitan Ujaran: Satu Analisis Teori Relevan*. Dalam kajian ini beliau telah menggunakan konsep implikatur bagi menjelaskan ketersiratan makna dalam ujaran yang membicarakan bagaimana orang Melayu menyampaikan mesej dengan gaya yang paling sopan dengan berselindung di sebalik tutur kata yang semanis mungkin biarpun apa yang ingin disampaikan tidak mungkin begitu menyenangkan.

Pada tahun 1992, sekali lagi Norhashimah menghasilkan satu kajian yang bertajuk *Implikatur: Satu Aspek Seni Berbahasa Orang Melayu*. Dalam kajian ini beliau telah menonjolkan seni tawar-menawar dalam perniagaan di kalangan orang Melayu. Menurut beliau, walaupun dalam perniagaan, ketrampilan penutur Melayu bermain bahasa jelas terserlah. Dalam perniagaan, hasrat dan tujuan disampaikan dengan menggunakan mesej yang tersirat atau disebut sebagai implikatur. Dalam kajian

yang telah beliau jalankan, implikatur sememangnya wujud dalam sesi tawar-menawar. Sebanyak 83 data yang berbentuk perbualan telah dirakam dan ditranskripsikan. Daripada 83 data yang dikutip, 49 data atau 59% daripadanya adalah implikatur. Keadaan ini telah membuktikan bahawa penggunaan implikatur merupakan ciri dominan perbualan masyarakat Melayu. Daripada 83 data, 36 atau 43.3% datangnya daripada peniaga.

Sementara pada pihak pelanggan pula, sebanyak 13 data atau 15.7% yang menggunakan implikatur. Justeru golongan peniaga merupakan golongan yang lebih dominan di dalam kajian implikatur ini. Peniaga telah menjadikan implikatur sebagai perisai dalam perniagaan. Mesej dalam implikatur cuba disampaikan secara tersirat supaya tidak menyinggung perasaan pelanggan. Kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa implikatur sangat berkesan khususnya apabila peniaga tidak dapat memenuhi kehendak pelanggan terutamanya apabila pelanggan meletakkan harga. Di pihak pelanggan pula, penggunaan implikatur adalah rendah kerana bagi pelanggan mereka tidak perlu berhati-hati apabila menawar oleh sebab mereka mempunyai pilihan yang banyak. Pelanggan hanya akan menggunakan implikatur apabila mereka berkeras mahu akan harga yang diminta ataupun meminta belas kasihan daripada peniaga. Daripada hasil kajian dan analisis yang telah dijalankan oleh Norhashimah Jalaluddin (1992), kewujudan implikatur itu wujud mengikut jenis-jenisnya iaitu:

- a) Implikatur Ayat Penyata
- b) Implikatur Ayat Interogatif
- c) Implikatur Ayat Figuratif

### 2.3.1 Implikatur Ayat Penyata

Ayat penyata merupakan ayat yang diucapkan dengan maksud untuk membuat satu pernyataan. Contoh implikatur yang menggunakan ayat penyata adalah :

1. Kedai Baju

A: Berapa sehelai ni?

B: \$5,boleh kurang,tawarlah sikit

C: \$3.50

B: \$4lah..boleh untung sikit aja. Barang ni bukannya yang Siam tapi yang sini

Implikatur yang wujud dengan menggunakan ayat penyata adalah lebih praktikal kepada penjual supaya urusan tawar-menawar dapat berjalan dengan cepat dan pantas serta ayat tersebut dapat difahami dengan mudah.

### 2.3.2 Implikatur Ayat Interogatif

Implikatur jenis ini menggunakan ayat-ayat interogatif kerana mungkin ayat ini lebih bersifat pertanyaan secara umum dan justeru penggunaannya telah disempitkan. Contoh implikatur bagi ayat interogatif adalah :

2. Kedai Baju Sekolah

A: Kain Malaysia ke ni ?

B: Kain Malaysia ni, basuh macam mana pun dia tahan, sebab kain molek, kita kata gitu sebab anak kita sendiri ada pakai.

### 2.3.3 Implikatur Ayat Figuratif

Implikatur jenis ini banyak menyelitkan unsur-unsur kiasan perumpamaan, bidalan, metafora, ironi dan sebagainya. Implikatur ayat figuratif amat sedikit penggunaannya di dalam perbualan yang biasa. Sebagai contoh :

#### 3. Kedai Kain

A: Tak apalah, lama-lama jadi bukit. Sikit-sikit lama-lama jadi bukit, ya tak? Kiralah berapa semua tu.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Norhashimah Jalaluddin (1992), beliau juga telah mengenalpasti kewujudan implikatur sebagai satu strategi perniagaan. Di antara strategi yang digunakan ialah :

- a) Meyakinkan Pelanggan.
- b) Belas Kasihan
- c) Faktor Budi Bicara
- d) Ehwal semasa

Hasil daripada strategi ini menunjukkan bahawa penggunaan implikatur benar-benar membantu perniagaan mereka dan secara tidak langsung berjaya menambat hati pelanggan agar berkunjung kembali. Berdasarkan data yang dikutip dalam kajian beliau telah menunjukkan bahawa penggunaan implikatur mengalami kejayaan 100% dan tidak ada satu pun penggunaan implikatur yang menjadikan perbualan tergendala separuh jalan. Malah penggunaan implikatur menambahjayakan strategi sama ada pada pihak peniaga mahupun pada pihak pelanggan.



Kajian berkenaan implikatur ini diteruskan lagi dengan Farsiah Haji Marzali (1998) berkenaan dengan *Implikatur Dalam Nyanyian Rakyat Masyarakat Melayu Sarawak* yang melihat kepada kewujudan implikatur dalam masyarakat Melayu Sarawak dalam nyanyian rakyat yang diwarisi daripada satu generasi ke satu generasi yang lain yang dianggap sebagai hiburan turun temurun. Kajian ini memperlihatkan kewujudan implikatur secara meluas dimana ia bukan sahaja wujud dalam perbualan seharian malahan turut wujud dalam nyanyian.

Seterusnya Fatimah Subet (1999) telah mengkaji *Implikatur Di Dalam Pantun Melayu Sarawak*. Kajian ini melihat kewujudan implikatur dalam pantun Melayu Sarawak. Kajian ini juga cuba membuktikan kewujudan implikatur dalam aktiviti berbahasa bukan perbualan seperti pantun. Implikatur yang wujud dalam pantun agak berbeza daripada yang wujud dalam perbualan kerana perbualan sama ada formal atau tidak formal terdapat pelanggaran terhadap empat maksim dalam prinsip kerjasama. Kajian beliau lebih tertumpu kepada makna yang melangkaui makna literal atau makna tersurat di dalam pantun disebabkan pantun tidak tergolong dalam bentuk perbualan dan interpretasi makna yang melangkaui makna literal inilah yang dilihat sebagai implikatur iaitu dengan mengambil kira pengguna dan penggunaannya kerana menurut beliau di dalam pantun terdapat mesej yang tersirat yang diselit ketika menyampaikan sesuatu mesej. Sebanyak 114 buah pantun Melayu Sarawak telah dikumpul tetapi hanya 50 buah pantun Melayu Sarawak sahaja yang telah di pilih dan di analisis. Hasil daripada kajian beliau, terdapat 10 strategi penggunaan implikatur di dalam Pantun Melayu Sarawak. Kesemua strategi tersebut akan dibincangkan pada tajuk yang seterusnya.

## 2.4 Strategi Penggunaan Implikatur Dalam Pantun Melayu Sarawak

Daripada analisis yang telah dijalankan terdapat 10 strategi penggunaan implikatur di dalam Pantun Melayu Sarawak dan strategi-strategi tersebut terdiri daripada:

### 2.4.1 Strategi Menyatakan Kerisauan

Pantun yang digunakan sebagai strategi dalam menyatakan kerisauan terhadap sesuatu perkara adalah :

Kacang puteh kacang kuda  
Dijual tambu di kaki limak  
Kasihmu tuan sudah berbeza  
Tidak dapat *macam* selamak

Dalam contoh pantun di atas, perkataan *macam* dalam baris terakhir pantun tersebut merupakan implikatur yang digunakan sebagai strategi dalam menyatakan kerisauan. Kerisauan tersebut adalah di antara sepasang kekasih ataupun suami isteri yang mana ikatan kasih sayang yang wujud sejak sekian lama semakin pudar dan sudah berubah. Justeru perkataan *macam* memberi andaian bahawa salah seorang pasangan tersebut merasai kelainan dalam kualiti dan kuantiti kasih sayang yang dicurahkan.

### 2.4.2 Strategi Untuk Mencabar Seseorang Atau Menyahut Cabaran

Bagi strategi yang kedua ini pula, terdapat pantun yang digunakan sebagai strategi untuk mencabar seseorang atau menyahut cabaran. Pantun tersebut adalah:

Baju hitam bekancin tujuh  
Pakaian anak raja Semarang  
***Kalau mun*** tuan beriman sungguh  
Ambik saya ditangan urang

Berdasarkan pantun di atas, *Kalau mun* adalah implikatur yang digunakan sebagai strategi mencabar orang yang dituju pantun tersebut supaya bersikap berani untuk merebut si pengujar pantun daripada kekasihnya. *Kalau mun* juga merupakan implikatur yang meminta seseorang itu supaya bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sesuatu, bak kata pepatah di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Justeru orang yang mendengar pantun ini seolah-olah dicabar untuk mendapatkan sesuatu. Kesimpulan daripada implikatur ini ialah seseorang itu seharusnya berani menyahut cabaran. *Mun* dalam dialek Melayu Sarawak membawa maksud *kalau*. Oleh itu pengujar pantun benar-benar mencabar orang yang ditunjukkan pantun kerana *mun* merupakan pengulangan atau penekanan kepada *kalau* dan didapati bahawa orang yang ditunjukkan pantun itu akan benar-benar terasa tercabar. Jika orang yang ditunjukkan pantun itu tidak menyahut cabaran maka dia dianggap sebagai pengecut.

#### **2.4.3 Strategi Untuk Menyindir Seseorang**

Pantun yang digunakan sebagai strategi untuk menyindir seseorang adalah:

Makan satey makan rojak  
Makan bersama si ayek manis  
***Pandei-pandei*** membawa sejak  
Di dalam sejak membawak *manis*

Terdapat pengujar pantun yang menggunakan implikatur dalam pantunnya sebagai strategi untuk menyindir seseorang supaya jangan bertindak atau bersikap atau

berkelakuan tidak senonoh di hadapan orang lain. Implikatur *pandei-pandei* (pandai-pandai) membuktikan bahawa pengujar pantun selama ini tidak berkenan dengan kelakuan yang ditunjukkan oleh orang yang ditujukan pantun tersebut yang agak keterlaluan, atau berkemungkinan bersikap kurang ajar dan tidak disenangi oleh orang lain. Si pengujar menyindir dengan menggunakan implikatur *pandei-pandei* agar orang berkenaan, bersopan-santun dan menjaga perlakuannya serta berhati-hati mengeluarkan kata-kata agar tidak menyinggung perasaan orang lain. Implikatur *manis* pula menyelitkan mesej bahawa orang akan menyukai kita seandainya kita tidak berkelakuan kurang sopan di khalayak orang lain.

#### **2.4.4 Strategi Untuk Menyatakan Kesanggupan Untuk Berkorban**

Pantun yang mengandungi implikatur yang bertujuan untuk menyatakan kesanggupan seseorang melakukan sesuatu pengorbanan ataupun berkorban demi untuk mencapai sesuatu tujuan adalah:

Jika mandi bersama mandi  
Mandi sitapan sama segayong  
Jika mati bersama mati  
***Dalam sekepan bersama silarong***

Berdasarkan pantun di atas, perkataan *Jika* dan ayat *dalam sekepan bersama silarong* mengandungi implikatur. *Jika* dalam pantun di atas mengandungi implikatur yang menyatakan kesanggupan untuk berkorban nyawa. *Dalam sekepan bersama silarong* (*dalam satu kain kapan dan dalam sebuah keranda*) merupakan lanjutan implikatur *Jik* tadi. Dalam implikatur ini si pengujar sanggup menempuh suka duka hidup dan menanggung masalah bersama-sama pasangannya dan kalau mati sekalipun, biarlah mati bersama. Secara tidak langsung implikatur ini juga menunjukkan kepada

kita betapa tingginya nilai kasih sayang yang wujud antara pasangan yang terbabit yang sanggup melakukan pengorbanan dari segi harta ataupun nyawa.

#### 2.4.5 Strategi Untuk Menyatakan Kesungguhan Dan Keyakinan

Pantun yang mempunyai implikatur dan implikatur yang digunakan sebagai strategi untuk menyatakan kesungguhan dan keyakinan adalah seperti berikut:

Diniari bulan mengambang  
Bulan dilindong tiang masjid  
*Sebiar* mati di pancong pedang  
Kamek *dak* mungkei barang sedikit

Dalam contoh pantun di atas, pengujar pantun menyelitkan perkataan *Sebiar*'(biar) pada rangkap ketiga pantun dan juga menyelitkan perkataan *dak*(tidak) pada rangkap keempat pantun. Kedua-dua perkataan ini digunakan adalah untuk menyampaikan maklumat tentang pengujar yang bersungguh-sungguh dalam melafazkan janjinya tentang sesuatu perkara, (*kemungkinan yang melibatkan perasaan kasih dan kesetiaan terhadap pasangannya*). Implikatur *Sebiar* membawa implikatur tentang si pengujar yang tidak mempedulikan keselamatannya sekiranya berlaku perkara yang buruk terhadap dirinya yang digambarkan melalui ayat mati di pancong pedang manakala perkataan *dak* pula memberi andaian bahawa janji yang telah dilafazkan tidak akan dimungkiri. Justeru implikatur *Sebiar* dan *dak* cuba membuktikan bahawa pengujar bersungguh-sungguh serta yakin untuk mengotakan apa yang telah dijanjikannya, disamping cuba untuk memberitahu bahawa di adalah seorang yang amanah. Sikap amanah itu dituntut ketika sesuatu janji atau sumpah dilafazkan.

#### 2.4.6 Strategi Untuk Memberi nasihat

Bagi pantun yang mempunyai implikatur dan implikatur tersebut digunakan sebagai strategi untuk memberi nasihat adalah seperti berikut:

Baik-baik memakei kembang  
**Kayu bedurik dilurut jangan**  
**Sebab** baik negeri urang  
Negeri sendiri diturut **jangan**

Ayat *Kayu bedurik dilurut jangan* (*kayu yang berduri jangan dilurut*) merupakan pembayang maksud bagi pantun di atas yang mempunyai implikatur. Implikatur tersebut mempunyai strategi untuk memberi nasihat. Andaian implikatur ini ialah jika dilakukan sesuatu perkara itu, ia akan mendatangkan kemudaratan atau boleh membahayakan diri sendiri. Justeru implikatur yang wujud adalah menegah atau melarang dengan menasihati seseorang itu daripada meneruskan niatnya untuk melakukan sesuatu perkara. Selain itu perkataan *sebab* dan *jangan* merupakan perkataan yang mempunyai implikatur. Perkataan *sebab* memberi andaian supaya menjaga kelakuan dan tingkah laku terutama sekali apabila berada di negeri orang. Sementara itu kata larangan *jangan* pula menyampaikan maklumat supaya jangan terlalu bertindak sesuka hati walaupun berada di negeri sendiri. Kesimpulan implikatur dalam pantun ini ialah berhati-hati melakukan sesuatu dan setiap perlakuan harus dijaga.

#### 2.4.7 Strategi Untuk Menyatakan Kekesalan

Abang Jo Abang Serini  
Menyukat tanah di Kampong Lintang  
**Udah** telanjo main begini

....samb

Rasa *dak* dapat disintak pulang

Pantun di atas mempunyai implikatur untuk menyatakan kekesalan. Perkataan *udah(sudah)* merupakan kata yang menunjukkan waktu yang telah berlalu manakala perkataan *dak(tak)* merupakan kata nafi. Bagi implikatur pada perkataan *udah* menggambarkan si pengujar pantun telah melakukan sesuatu yang tidak dapat di tarik balik. Daripada implikatur ini dapat diandaikan bahawa perkara yang telah dilakukan tersebut bukan perkara yang remeh tetapi dapat diandaikan perkara yang dilakukan tadi adalah satu perkara yang mungkin memerlukan satu komitmen atau kekuatan pada pihak yang melakukannya. Selain itu, implikatur ini juga menggambarkan pengujar telah berfikir semasaknya dan telah menimbang baik buruknya perkara itu sebelum si pengujar melakukan perkara berkenaan. Justeru pengujar juga merupakan seorang yang nekad dengan apa yang dilakukan.

Sementara itu implikatur *dak* pula merupakan luahan perasaan *kesal* si pengujar setelah melakukan perkara yang walaupun permulaannya tadi telah difikirkan semasak-masaknya. Implikatur ini turut memberikan andaian bahawa perkara yang dilakukan tadi sudah tidak dapat ditarik balik bak kata pepatah *nasi telah menjadi bubur*. Kesimpulan daripada implikatur ini adalah seseorang itu harus bertanggungjawab ke atas apa sahaja yang telah dilakukan dan ini telah mengingatkan kepada peribahasa *sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna*.

#### **2.4.8 Strategi Untuk Menyatakan Ketidakpuasan**

Tukuk gong tukuk rebana  
Tukuk gong rumah Cek Ali  
Apa *sebab* dengan *kerena*

....samb

### Kamek digantong tidak bertali

Dalam pantun di atas, kata keterangan *sebab* dan *kerena(kerana)* yang mempunyai fungsi yang sama iaitu untuk memberi penerangan terhadap sesuatu perkara yang berlaku nampaknya telah dikemukakan secara serentak dalam baris ketiga. Kedua-dua perkataan *sebab* dan *kerena(kerana)* merupakan satu penegasan yang diujarkan untuk mendapatkan jawapan kepada satu persoalan iaitu *kenapa* si pengujar digantong tidak bertali. Justeru perkataan *sebab* dan *kerena(kerana)* merupakan implikatur dalam pantun ini yang menggambarkan si pengujar ingin mengetahui dengan lebih mendalam mengapa beliau dibiarkan begitu sahaja tanpa sebarang kata putus yakni digantong tidak bertali. Di sinilah terletak strategi implikatur untuk menyatakan ketidakpuasan di hati si pengujar menerusi perkataan *sebab* dan *kerena(kerana)*.

#### **2.4.9 Strategi Untuk Menyatakan Kesediaan dan Meminta Persetujuan**

Bagi strategi seterusnya terdapat pantun yang dikenalpasti mengemukakan implikatur untuk menyatakan kesediaan atau persetujuan terhadap sesuatu perkara. Kesediaan atau persetujuan terhadap sesuatu perkara ini dinyatakan secara tersirat oleh si pengujar kerana masih terdapat perasaan malu yang menyelubungi dirinya untuk bersetuju secara terang-terangan, lebih-lebih lagi tentang hal-hal yang berkaitan dengan perasaan kasih. Pantun yang menggunakan implikatur sebagai strategi untuk menyatakan kesediaan dan meminta persetujuan adalah:

Buah nanas masak dikupas  
Masak dikupas memakei suduk  
*Tuan panas kamek mengipas*



...samb

### ***Kalau sejok kamek memangkuk***

Baris ketiga dan keempat (maksud pantun) adalah implikatur dalam pantun di atas. Perkataan *Kalau* dalam ayat di atas dapat diandaikan sebagai persetujuan pengujar untuk menerima *tuan* dalam hidupnya, mungkin pada permulaannya sebagai kekasih kemudian sebagai suami. *Kalau* juga memberi andaian bahawa si pengujar sanggup menempuh segala kepayahan untuk hidup bersama-sama *tuan*. Disamping itu, si pengujar juga sanggup bersetuju untuk memberi perlindungan pada *tuan* jika *tuan* menghadapi sebarang kesusahan. Bagi ayat. *Tuan panas kamek mengipas, Kalau sejok kamek memangkuk*(*tuan panas saya mengipas, kalau sejok saya ribakan*) sebenarnya mengandungi mesej yang tersirat iaitu si pengujar sanggup melakukan apa sahaja termasuklah perlakuan mengipas *tuan* apabila panas dan meriba *tuan* apabila merasa sejuk. Keadaan ini menggambarkan si pengujar berjanji dan bersetuju akan setia dengan *tuan*. Kesimpulan daripada implikatur ini ialah kesetiaan penting dalam sesuatu hubungan dan bagi setiap pasangan yang berumahtangga haruslah sanggup berkorban dan sanggup menempuh suka duka kehidupan bagi menjamin kebahagiaan sesebuah hubungan.

#### **2.4.10 Strategi Untuk Memberi Pesanan Kepada Seseorang**

Laju-laju perauk laju  
Laju sampei ke Surabaya  
**Biar** lupak kain ngan baju  
**Jangan** lupak kepada saya

Pantun di atas merupakan pantun yang berbentuk memberi pesanan atau peringatan kepada seseorang. Ternyata orang Melayu terutamanya sekali di kalangan

orang dewasa sering mengingatkan di antara satu sama lain tentang sesuatu perkara dan pantun merupakan salah satu medium yang digunakan untuk memberi pesanan dan peringatan. Berdasarkan pantun di atas perkataan *Biar* dan kata larangan *jangan* merupakan implikatur. Implikatur bagi perkataan *Biar* menggambarkan si pengujar cuba untuk memberitahu orang yang dituju pantun (*mungkin kekasih atau sekadar kawan biasa*) jangan sesekali lupa kepada dirinya. Si pengujar seolah-olah tidak sanggup untuk berpisah dengan pasangannya atau sahabatnya tadi. Perkataan *jangan* pula menggambarkan si pengujar benar-benar hendak memastikan agar pasangan atau sahabatnya tadi sentiasa mengingatkan dirinya, tidak kira di mana sahaja mereka berada.

Berdasarkan strategi-strategi yang dikemukakan oleh Fatimah Subet (1999) dalam kajiannya, beliau melihat kewujudan implikatur tersebut berdasarkan konteks penggunaannya, di mana kebanyakan daripadanya ialah konteks sosial seperti hubungan suami isteri, percintaan kekasih, kelakuan golongan remaja, hubungan kekeluargaan antara ayah-ibu dengan anak, persahabatan dan konteks keagamaan seperti pasrah kepada takdir Illahi. Selain daripada itu, Maimunah Ibrahim (1999) turut melihat kewujudan implikatur dalam kajian beliau yang berjudul *Implikatur Dalam Iklan*. Kajian yang dilakukan oleh beliau melihat kepada implikatur yang terdapat di dalam iklan yang disiarkan melalui media elektronik iaitu televisyen dimana implikatur dapat meninggalkan kesan kepada pengguna. Daripada 44 buah iklan yang telah dirakamkan melalui TV1 dan TV3, iklan-iklan ini kemudiannya dibahagikan kepada 11 kategori. Kategori-kategori tersebut terdiri daripada:

- a) Minuman susu ( Susu Tepung, FNN, Celelac, Fernleaf dan Neslay)
- b) Minuman pelbagai jenis ( Nescafe, Akuarius, Teh, Vico)

- c) Makanan ( meliputi makanan iaitu Ayam: MC Donald, KFC, Coklat Magnum dan Biskut Prince)
- d) Pencuci ( Puteri, Fabuloso, Breeze dan Dynamo)
- e) Bedak ( Oil of Ulan, Pond Skin Lightening Moisturizer, Johson Baby dan Fair & Lovely)
- f) Syampu (Mustika Ratu, Clairol Nice &Easy, Oksimoron Molders dan Optima)
- g) Ubat gigi ( Z-Lion, Zaitun, Colgate dan Kodomo Lion)
- h) Ubat-ubatan ( Eyemo, Panandol, Livita dan Strepsil)
- i) Minyak ( Cap Buruh, Vesawit, Carotino, Seri Murni)
- j) Barangan Elektrik ( Electrolux, Panasonic, Sony dan Hitachi)
- k) Kenderaan ( Honda, NSR dan Perodua)

Daripada analisis yang telah beliau jalankan terdapat tujuh jenis implikatur yang telah di kesan di dalam iklan menerusi kajian yang telah di jalankan oleh Maimunah. Maimunah menyatakan bahawa sebanyak 97.6% daripada iklan yang telah dianalisis menimbulkan implikatur. Dengan kadar peratusan yang tinggi telah memperlihatkan bahawa penggunaan implikatur dalam iklan adalah sebagai strategi untuk melariskan jualan.

## **2.5 Jenis-Jenis Implikatur dalam Iklan**

Jenis-jenis implikatur yang dikenalpasti oleh Maimunah Ibrahim terdiri daripada:

- a) Implikatur Ayat Penyata
- b) Implikatur Ayat Interogatif

- c) Implikatur Ayat Figuratif
- d) Implikatur Golongan Kata
- g) Implikatur Kata Pengulangan

### **2.5.1 Implikatur Ayat Penyata**

Implikatur dalam ayat penyata digunakan dalam iklan minuman susu. Tujuan implikatur ini adalah untuk membuat satu pernyataan berkaitan minuman susu tersebut. yang memberikan banyak khasiat dan kebaikan apabila diminum. Contoh adalah seperti di bawah:

Susu FNN  
Kualitinya terjamin  
Pengalaman yang terindah  
Yang terbaik buatmu kesayanganku  
Khasiat terjamin pada waktu membesar

### **2.5.2 Implikatur Ayat Interogatif**

Wah! Ayah, masa muda ayah pancing ikan tak ?  
Atuk tak ajak ayahkah?  
Dulu atuk bawa ayah tak?  
Dulu mana ada Mc Donald ?  
Habis tu atuk dan ayah pergi mana?

Berdasarkan contoh iklan makanan di atas, jenis implikatur yang dikesan adalah implikatur jenis ayat interogatif . Implikatur jenis ini lebih bertujuan untuk menanyakan sesuatu atau dipanggil sebagai ayat tanya.

### 2.5.3 Implikatur Ayat Figuratif

Bagi implikatur ayat figuratif pula banyak memasukkan unsur-unsur kiasan, perumpamaan, bidalan, metafora, ironi dan sebagainya. Contoh dapat dilihat seperti dalam iklan syampu Mustika Ratu di bawah:

Rambut adalah mahkota wanita

Perkataan *mahkota* menggambarkan barangan perhiasan berharga yang dipakai oleh wanita dalam keadaan tertentu sama ada dalam majlis perkahwinan mahupun bagi wanita yang menyertai pertandingan ratu cantik. Justeru dalam konteks ini rambut adalah diibaratkan seperti mahkota yang perlu kelihatan cantik. Untuk kelihatan cantik, rambut seharusnya di jaga rapi dengan pemilihan syampu yang bersesuaian.

### 2.5.4 Implikatur Golongan Kata

Implikatur golongan kata terdiri daripada ayat yang mempunyai kata seruan yang berfungsi melahirkan berbagai perasaan dan ia turut digunakan dalam iklan dan iklan tersebut merupakan iklan minuman pelbagai jenis iaitu iklan Nescafe. Sebagai contoh:

Eh....eh sedapnya!

Daripada contoh di atas, terdapat penegasan pada perkataan sedapnya! yang merupakan kata partikel yang dikenali juga sebagai kata penegas. Kata penegas merupakan perkataan yang memberi penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat seperti

ayat Eh...eh. Selain itu kata partikel juga dapat dilihat pada iklan pencuci jenama Puteri yang memberi penekanan pada perkataan Betulkah dan Mestilah seperti di bawah:

Betulkah Budin ni?  
Mestilah Puteri yang cuci

### 2.5.5 Implikatur Kata Pengulangan

Implikatur kata pengulangan pula merupakan implikatur yang mempunyai golongan kata yang menunjukkan ciri pengulangan dalam perbualan. Contohnya dalam iklan makanan seperti iklan KFC :

KFC idamanku selalu  
Chicky stick,chicky stick  
baru di KFC  
mega cucuk yang lazat dan  
hidangkan dengan sos istimewa kami  
Chicky stick,chicky stick  
Ah....! Tak dapat nangislah budak kecil  
KFC idamanku selalu

## 2.6 Kritikan Terhadap Teori Grice

Teori yang diperkenalkan oleh Grice telah mendapat perhatian di kalangan pengkaji untuk menyatakan pandangan mereka tentang teori ini. Ada di antara pengkaji yang menganggap teori ini kurang jelas dan kurang tepat. Sadock (1975)(dalam Tan Mek Leng 1994) merupakan antara yang kurang bersetuju dan memberi kritikan terhadap prinsip kerjasama beserta maksim-maksim yang diutarakan oleh Grice. Beliau berpendapat bahawa maksim-maksim yang dikemukakan terlalu kabur, seolah-olah

segala masalah perbualan boleh di selesaikan dengan maksim-maksim yang ada. Menurut Sadock (1975) lagi, kadangkala maksim yang dikemukakan itu mengulang-ulang perkara yang sama.

Burton (1980) yang mengulas Sacks (1970) mendapati bahawa di dalam perbualan kadangkala tidak semua perlu diberitahu kepada seseorang contohnya dalam perbualan harian, kita tidak memberitahu seseorang apa yang sudah diketahui. Di dalam jenaka umpamanya, seseorang tidak perlu mengetahui maklumat selanjutnya. Jika pendengar sudah mengetahui tujuan sebenar penutur, matlamat penutur tidak akan berjaya. Oleh itu, penutur perlu melanggar maksim kualiti ( mengatakan sesuatu yang tidak benar).

Cohen (1972), Kroch (1972), dan Keifer (1979) mempunyai pandangan yang sama dengan Sadock (1975). Mereka menyatakan bahawa maksim yang dikemukakan oleh Grice tidak spesifik dan samar. Maksim yang dikemukakan tidak dapat ditentukan implikturnya dan menerima apa sahaja implikatur. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Susan Ervin-Tripp (1983), beliau membuat kesimpulan bahawa maksim kualiti berinteraksi dengan sesuatu nilai yang akan membawa kesan yang berlainan di dalam budaya yang berbeza. Oleh itu kajian antara budaya sangsi terhadap maksim yang telah diutarakan oleh Grice dalam artikel *Cross-cultural and development sources of pragmatics generalizations* (1983)(dalam Tan Mek Leng 1994).

Sperber dan Wilson (1986) tidak bersetuju dengan pembahagian tentang apa yang diperkatakan dengan apa yang diimplikasikan. Mereka juga kurang bersetuju dengan prinsip dan maksim yang dikemukakan. Antara apa yang ditegaskan oleh Sperber dan Wilson mengenai teori pragmatik Grice adalah seperti berikut :

- i) wujud kekaburan di antara bidang ilmu semantik dan pragmatik. Maksim yang dikemukakan adalah maksim khusus untuk bahagian pragmatik atau bahagian apa yang diimplikasikan. Hal ini termasuklah mengelakkan kekaburan dan mengelakkan maklumat yang tidak jelas. Tetapi Grice mengatakan bahawa maksim ini boleh juga digunakan di bahagian apa yang diperkatakan. Justeru telah berlaku pertindihan fungsi maksim yang dikemukakan.

Bagi pernyataan (i), apa yang ingin ditekankan oleh Sperber dan Wilson (1981) adalah tentang kegagalan teori pragmatik Grice dalam menerangkan secara terperinci hubungan di antara ilmu semantik dan pragmatik. Penerangan yang jelas dan tidak mengelirukan adalah penting dalam menunjukkan kekuatan sesebuah teori itu. Selain itu fungsi maksim yang tidak mempunyai peraturan yang tetap dan berlaku beberapa pertindihan menyebabkan teori Grice dilihat sebagai teori yang mempunyai banyak kepincangan.

- i) maksim yang dikemukakan terlalu banyak dan kadangkala berlewah (redundant). Kesemua maksim ini sebenarnya boleh digarap dalam satu maksim sahaja iaitu maksim relevan. Menurut Sperber dan Wilson, dengan prinsip relevan yang dikemukakan oleh mereka telah berjaya menggarap kesemua maksim yang dikemukakan oleh Grice. Dalam prinsip relevan, mereka menganjurkan agar apa sahaja maklumat yang hendak diketengahkan haruslah relevan, mempunyai cukup bukti, jelas dan teratur. Justeru prinsip relevan telah berjaya meringkaskan maksim yang dikemukakan dengan satu prinsip sahaja.

Bagi pernyataan (ii), maksim-maksim yang diutarakan oleh Grice (1975) seharusnya dapat digarap dibawah satu maksim sahaja iaitu maksim relevan kerana fungsi dan syarat utama bagi keempat-empat maksim yang diutarakan oleh Grice (1975) sudah pun terkandung di bawah maksim relevan. Justeru fungsi dan syarat utamanya tidak seharusnya berulang-ulang. Menurut Sperber dan Wilson (1986) prinsip relevan



yang dikemukakan oleh mereka lebih jelas dan teratur serta mereka berjaya meringkaskan maksim yang dikemukakan dengan satu prinsip sahaja.

- ii) Grice menyatakan bahawa pelanggaran maksim akan menggagalkan maklumat yang bakal disampaikan. Sperber dan Wilson tidak bersetuju dengan memberikan contoh bahasa figuratif. Bahasa figuratif yang memasukkan jenis-jenis ayat seperti metafora, ironi dan hiperbola. Kesemua bahasa figuratif ini jelas melanggar maksim Grice tetapi ternyata tidak pernah gagal dalam menyampaikan mesej malah menjadikan penyampaian mesej menjadi lebih berkesan tanpa menyinggung perasaan orang yang mendengar.

(Norhashimah Jalaluddin 1994:67)

Bagi pernyataan (iii) pula, apabila pelanggaran maksim berlaku maka maklumat yang bakal disampaikan akan gagal. Dalam hal ini Grice (1975) tidak menjelaskan secara terperinci tentang bahasa figuratif yang terdiri daripada metafora, ironi dan hiperbola kerana kesemua bahasa figuratif ini jelas melanggar maksim yang dikemukakan oleh Grice (1975). Justeru Sperber dan Wilson (1986) amat tidak bersetuju dengan fungsi maksim terhadap bahasa figuratif. Walaupun berlaku pelanggaran maksim, mesej yang disampaikan tidak pernah gagal malahan menjadi lebih berkesan tanpa menyinggung perasaan orang yang mendengar. Keadaan inilah menunjukkan kelemahan yang ketara terhadap teori Grice.

Setelah melihat segala hujah dan pandangan yang diberikan oleh ahli bahasa berkenaan Teori Grice, penulis mendapati bahawa kelemahan utama Teori Grice adalah terletak pada maksim yang di utarakan oleh Grice sendiri. Kebanyakan maksim-maksim tersebut sememangnya mengulangi perkara yang sama. Grice tidak menerangkan secara terperinci penggunaan maksim tersebut mengikut budaya. Bagi

setiap masyarakat, penyampaian sesuatu maklumat itu sama ada tersurat atau tersirat adalah berbeza di mana ia bergantung kepada situasi dan konteks budaya. Dalam hal ini, Grice hanya memberi contoh kepada perbualan seharian dan tidak memasukkan unsur budaya di dalam Teori tersebut.

Seperti apa yang telah diperkatakan oleh Sperber dan Wilson sendiri, bahasa figuratif seperti metafora, hiperbola, ironi dan sebagainya sama sekali telah melanggar maksim kualiti. Namun bagi Grice perlanggaran maksim akan menyebabkan maklumat yang ingin disampaikan akan gagal. Walaubagaimanapun tegas Sperber dan Wilson lagi, penggunaan bahasa figuratif tetap dapat menyampaikan maklumat dengan berkesan dan penggunaan bahasa figuratif juga dapat menghindari daripada perkara seperti menyinggung perasaan seseorang. Berdasarkan kegagalan Grice dalam memberi huraian secara terperinci berkenaan teori yang di utarkan oleh beliau beserta beberapa kelemahan yang terdapat dalam teori tersebut, Norhashimah Jalaluddin (1992) berpendapat bahawa teori Grice tidak sesuai digunakan dalam kajian ini. Justeru penulis telah memilih gabungan antara teori semantik sistem penuh dan teori relevan yang akan dijadikan tunjang utama dalam pengkajian ini dalam melihat kewujudan implikatur dalam sajak-sajak melayu.

## **2.7 Teori Pilihan : Teori Semantik Sistem Penuh**

Setelah penulis meninjau dan meneliti beberapa pandangan pengkaji terdahulu tentang implikatur dan teori yang mendasarinya iaitu Teori Grice – Prinsip Saling Kerjasama, maka pengkaji akan meneruskan perbincangan ini dengan menumpukan perhatian kepada teori yang menjadi tunjang utama yang diterapkan dalam kajian ini iaitu teori relevan dan teori semantik sistem penuh (full system semantics theory).

Teori ini telah memperlihatkan wujudnya perhubungan di antara ilmu semantik dan pragmatik bagi mendapatkan interpretasi makna sebenar. Teori Semantik Sistem Penuh ini wujud pada tahun 1985 yang dicadangkan sendiri oleh Sperber dan Wilson. Kemampuan teori ini menyelesaikan masalah yang timbul telah menjadikan semantik sebagai satu ilmu yang lebih menarik. Contoh penyelesaian masalah yang dapat diselesaikan oleh Teori ini adalah seperti berikut:

- i) Saya gembira
- ii) Ahmad bujang
- iii) Dia juga

Dalam ayat (i) kita memerlukan maklumat seperti waktu ujaran dan siapakah saya, sementara dalam ayat (ii), selain daripada waktu ujaran, kita memerlukan maklumat siapakah **Ahmad** dan apakah yang dimaksudkan dengan **bujang**. Dalam ayat (iii), kita memerlukan maklumat tentang waktu ujaran, siapakah **dia** dan apakah **frasa kerja** yang telah digugurkan. Justeru maklumat ini tidak mampu diberikan oleh tatabahasa semata-mata. Oleh yang demikian maklumat yang diinginkan bukan melibatkan semantik sahaja bahkan maklumat tambahan yang diberikan oleh pragmatik.

Ayat-ayat yang dinyatakan di atas tadi akan ditafsir berdasarkan model Semantik Sistem Penuh. Ayat-ayat ini akan diterjemahkan ke dalam bentuk logik untuk mendapatkan kefahaman yang jelas. Contoh ayat (i) adalah seperti berikut :

- i) Saya gembira

Bentuk logik :

\_\_\_\_\_ gembira pada \_\_\_\_\_  
(penutur) (waktu ujaran)

ii) Ahmad bujang

Bentuk logik:

\_\_\_\_\_

( individu bernama)

\_\_\_\_\_

( mempunyai ciri-ciri belum berkahwin)

iii) Dia juga

Bentuk logik:

\_\_\_\_\_

( seseorang)

\_\_\_\_\_

( ciri-cirinya)

Daripada contoh diatas, Sperber dan Wilson menegaskan bahawa ujaran akan diterjemahkan daripada bahasa semulajadi kepada bentuk logik. Namun demikian, bentuk-bentuk logik yang dihasilkan akan meninggalkan keaburan dan rujukan yang tidak diselesaikan. Kekurangan ini berlaku disebabkan pembaca mungkin menganggap ia sebahagian daripada nahu. Justeru kita tidak mungkin dapat mentafsir ujaran-ujaran atau ungkapan yang mengandungi makna yang tersirat atau implisit.

Contohnya seperti petikan sajak *Pada Tanah Yang Indah* yang di tulis oleh A. Samad Said pada tahun 1956 di bawah. Pada rangkap pertama sajak tersebut berbunyi :

*Dalam mata yang bersih merayap cahaya jernih  
aku sama menagih kemerdekaan kekasih,  
dalam dada yang mesra tenang telaga cinta  
aku janji setia membela tanah pusaka*

Bentuk logik 1 :

\_\_\_\_\_ yang bersih \_\_\_\_\_ cahaya jernih  
( anggota badan ( perlakuan )  
untuk melihat )

Bentuk logik 2 :

aku \_\_\_\_\_ kemerdekaan \_\_\_\_\_.  
( perlakuan ) ( seseorang yang  
dicintai )

Bentuk logik 3:


dalam dada yang mesra tenang \_\_\_\_\_ \_\_\_\_\_  
(tempat ( perasaan )  
berisi air )

Jika di amati petikan rangkap pertama sajak tersebut, bentuk logik yang diberikan di atas belum cukup untuk membantu pembaca untuk memahami makna ungkapan figuratif tersebut. Bentuk-bentuk logik telah meninggalkan keaburan dalam fikiran pembaca terutama ayat seperti *Dalam mata yang bersih merayap cahaya jernih, aku sama menagih kemerdekaan kekasih, dan dalam dada yang mesra tenang telaga cinta*. Pembaca mungkin berpandangan bahawa ayat –ayat tersebut berkaitan tentang cinta antara kekasih. Ungkapan di atas sebenarnya mengandungi makna yang implisit iaitu makna yang melangkaui ayat dan bukan menceritakan tentang cinta antara kekasih tetapi tentang perjuangan menuntut kemerdekaan dan melahirkan rasa cinta dan setia pada negara.

Keadaan ini menyebabkan pembaca tidak dapat menginterpretasi dan mencari makna sebenar dalam ayat tersebut. Justeru Sperber dan Wilson (1986) telah menyatakan bahawa terdapat selapis lagi representasi makna iaitu di antara bentuk logik dan interpretasi semantik yang diperlukan yang bertujuan membantu pembaca memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penyair. Lapisan ini membekalkan beberapa maklumat tambahan dan ia dinamakan sebagai bentuk proposisi atau dikenali juga sebagai bahasa pemikiran ( language of thought) oleh Fodor (1963).

Pada peringkat ini salah benar sesuatu ujaran boleh ditentukan (Nor Hashimah Jalaluddin, 1990:26).

Ternyata peranan semantik memerlukan gandingan dalam memberikan makna sebenar sesuatu ujaran kerana maklumat tatabahasa yang diberikan oleh semantik masih tidak mencukupi. Justeru pragmatik memainkan peranan yang penting dalam memberikan makna sebenar sesuatu ujaran yang melibatkan maklumat bukan linguistik. Gandingan antara peranan semantik dan pragmatik dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi iaitu memberi makna sebenar yang dihayati oleh penutur. Dalam hal ini Sperber dan Wilson telah merangka satu rajah *full system semantics* (Sumber: Fazilah Mat Zain 2004:49) yang dapat menunjukkan peranan semantik dan pragmatik secara objektif iaitu:



**Rajah 2.2 : Semantik Sistem Penuh**

Daripada rajah 2.2 dengan jelas menunjukkan interaksi antara ilmu semantik dan pragmatik. Ayat bahasa alamiah (bahasa semulajadi) di terjemah ke dalam bentuk-

bentuk logik. Selepas bentuk-bentuk logik, semantik tidak lagi dianggap sebagai sebahagian daripada tatabahasa kerana untuk mendapatkan interpretasi semantik, faktor pragmatik dan konteks telahpun mengambil tempat. Nahu hanya akan mengkhusus pada bahagian makna ayat itu. Disinilah peranan semantik sebagai sebahagian daripada nahu terhenti. Namun demikian pemberian makna pada tahap ini belum dapat dianggap sebagai pemberian makna yang lengkap. Ini adalah kerana di antara rumus terjemahan (terdiri daripada bentuk logik) dengan rumus interpretasi semantik terdapat satu jurang. Pada jurang ini terdapat selapis lagi representasi makna. Jurang ini telah diisi oleh pragmatik dan konteks. Peranan pragmatik dan konteks pada peringkat ini adalah untuk membekalkan beberapa maklumat tambahan yang dinamakan sebagai bentuk proposisi.

Selain itu pragmatik dan konteks juga berperanan dalam mengayakan lagi maklumat yang diberi untuk mendapat makna sebenar. Faktor-faktor yang berperanan dalam mendapatkan makna sebenar adalah faktor-faktor bukan linguistik yang merupakan elemen penting dalam kajian pragmatik. Namun yang demikian pragmatik tidak dianggap sebagai sebahagian daripada tatabahasa kerana pragmatik adalah berkenaan dengan pengetahuan bukan linguistik yang digunakan untuk menginterpretasi ujaran. Rumus semantik hanya dapat dianggap sebagai sebahagian daripada tatabahasa adalah daripada peringkat rumus terjemahan yang menghubungkan bahasa semulajadi kepada bentuk logik. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa ilmu semantik memerlukan gandingan dalam memberikan makna sebenar sesuatu ujaran kerana apa yang diberikan oleh semantik ialah bentuk-bentuk logik yang gersang sifatnya. Maklumat tatabahasa yang diberikan oleh semantik masih belum mampu menyerlahkan makna sebenar ujaran. Dengan adanya maklumat bukan linguistik akan membantu melengkapkan makna yang diperlukan.

## 2.8 Teori Pilihan : Teori Relevan

Teori Relevan diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986) dan diperkemas pada 1995. Teori ini adalah lanjutan daripada teori semantik yang turut dipelopori oleh Sperber dan Wilson iaitu teori semantik sistem penuh seperti yang telah dijelaskan di awal bab tadi (sila lihat 2.5). Teori semantik ini telah memperlihatkan wujudnya interaksi antara ilmu semantik dan juga ilmu pragmatik bagi mendapatkan interpretasi makna sebenar. Teori Relevan menjadi topik teras dalam bidang pragmatik khususnya dalam interpretasi makna ujaran serta telah memantapkan pengkajian ilmu pragmatik dengan mengatakan bahawa dalam sesebuah komunikasi yang berlaku, sesuatu ujaran itu harus diinterpretasi bersandarkan konsep-konsep konteks, kesan konteks dan usaha memproses ujaran tersebut.

Menurut Blackmore (1992) (Hasmidar Hj. Hassan:2005:7), teori ini merupakan pendekatan terhadap komunikasi dan pemahaman ujaran yang didasari oleh huraian asas bahawa komunikasi manusia terletak pada notasi relevan, notasi yang di dasari oleh pandangan umum tentang kognisi manusia. Tambah Blackmore, matlamat teori ini bukanlah untuk menghuraikan makna 'relevan' sebaliknya untuk menjelaskan ciri proses mental yang terlibat dalam penginterpretasian ujaran ataupun maklumat, kognisi manusia sentiasa terarah untuk mencapai kesan kognitif yang sebanyak mungkin dengan usaha memproses yang sedikit mungkin. Dengan kata lain, dalam usaha memproses ujaran, pendengar berusaha untuk mencapai interpretasi yang relevan secara optimum dan setiap interpretasi yang optimum mestilah mencapai kesan kognitif yang mencukupi bagi menarik perhatian pendengar dan tidak memerlukan pendengar berusaha lebih (dianggap sebagai kos memproses) untuk mencapai kesan yang dimaksudkan. Sperber dan Wilson (1986) juga menegaskan bahawa pendengar akan



memproses sebarang ransangan luar atau representasi dalaman yang menjadi input kepada proses kognitif yang mungkin relevan pada seseorang individu pada suatu masa yang tertentu. Semua input yang relevan secara maksimum akan dikaitkan dengan maklumat latar belakang seseorang individu dan berdasarkan syarat Teori Relevan, sesuatu input adalah relevan pada seseorang individu hanya apabila pemrosesan input ini dalam konteks andaian yang ada menghasilkan kesan kognitif yang positif. Kesan kognitif yang positif berbeza mengikut representasi seseorang individu terhadap dunia, kesimpulan yang benar misalnya merupakan kesan kognitif yang positif, kesimpulan yang palsu pula walaupun dianggap kesan kognitif tetapi bukan kesan kognitif yang positif.

Justeru Teori Relevan menekankan kerelevanan sesuatu ujaran. Menurut Sperber & Wilson (1986) setiap ujaran membangkitkan andaian relevan bukan kerana penutur diharapkan untuk mematuhi prinsip kerjasama dan maksim atau apa juga amalan komunikatif yang khusus tetapi kerana matlamat untuk mencapai kerelevanan yang merupakan ciri asas kognisi manusia, yang boleh dieksploitasi oleh penutur. Oleh itu Sperber dan Wilson (1986) juga berpendapat bahawa:

“Every utterance comes with a guarantee of its own particular relevance.  
Thus to understand an utterance is to prove its relevance”

(Hasmidar Hj. Hassan 2005:11)

Daripada pernyataan di halaman sebelah, setiap ujaran itu secara automatiknya mewujudkan jangkaan yang dapat memandu pendengar memahami makna penutur. Jangkaan ini datang dengan pelbagai rangsangan luaran dan dalaman sebagai input kepada proses kognitif (proses penginterpretasian). Input ini akan disesuaikan dengan

maklumat latar belakang pendengar yang sedia ada untuk mencapai relevan yang optimum. Sekiranya input ini relevan kepada pendengar semasa diproses dalam konteks andaian yang sedia ada maka kesan kognitif positif akan dicapai. Bagaimanapun kesan kognitif ini tidak datang percuma sebaliknya melibatkan usaha memproses yang dianggap sebagai kos terhadap pemrosesan itu.

Pengkajian yang dilakukan oleh Sperber dan Wilson (1986) dalam bidang pragmatik ini juga adalah bertujuan untuk menggantikan teori pragmatik Grice yang gagal dalam mentafsir bahasa figuratif seperti metafora, hiperbola, ironi dan sebagainya melalui maksim yang telah diperkenalkan oleh Grice. Namun demikian masalah ini telah dapat di atasi oleh Sperber dan Wilson. Di dalam Teori Relevan konteks berperanan utama dalam mendapatkan makna sebenar sesuatu ujaran yang mengandungi makna yang implisit seperti ungkapan figuratif. Menurut Sperber dan Wilson kekayaan kesan konteks dan konteks persekitaran telah menjadikan sesuatu ujaran itu tetap relevan. Namun faktor konteks diketepikan sama sekali oleh Grice dalam kajiannya. Atas faktor inilah wujudnya Teori Relevan dengan menjadikan faktor konteks sebagai tunjang utama dalam pengkajian bagi Teori Relevan.

Memandangkan ilmu pragmatik melibatkan ujaran, maka Sperber dan Wilson (1986) (Norhashimah Jalaluddin1994:46) telah melibatkan komunikasi secara tidak langsung dalam teori ini. Menurut Sperber dan Wilson, pragmatik memainkan peranan yang sangat penting dalam komunikasi lisan. Selain kod yang digunakan, proses inferens untuk memahami ujaran juga patut diambil kira. Kod dan inferens digabungkan bersama-sama untuk membolehkan manusia mencapai tahap komunikasi yang lebih canggih. Contoh inferens yang terlibat dalam komunikasi adalah seperti berikut :

kod : Lampu merah- merupakan input bagi komunikasi

inferens : Berhenti- merupakan output bagi komunikasi

Sesuatu ujaran yang hendak disampaikan itu harus mempunyai sifat-sifat yang jelas dan nyata. Apabila andaian daripada ujaran yang dihasilkan mudah difahami oleh individu dan banyak bukti yang melatarinya, maka ujaran itu boleh dianggap sebagai ujaran yang bermanifestasi. Dalam sesebuah komunikasi, persekitaran kognitif harus diambil kira. Persekitaran kognitif merupakan set-set fakta yang boleh dimanifestasikan kepada individu terlibat dalam perbualan. Sifat manifestasi ini mempunyai darjah yang tersendiri dan darjah inilah yang akan menentukan kerelevanan sesuatu ujaran yang dikomunikasikan.

Komunikasi menurut Sperber dan Wilson merupakan satu modifikasi daripada persekitaran kognitif pendengar. Tujuan berkomunikasi bukanlah semata-mata untuk mencipta pemikiran atau kepercayaan kepada pihak pendengar atau pembaca dan bukan juga berniat untuk memindahkan beberapa jenis maklumat kepada fikiran pendengar mahupun pembaca. Apa yang ingin ditekankan di sini ialah bukan apa yang dikomunikasikan tetapi bagaimana kita membantu membimbing pendengar atau pembaca memproses apa yang dikomunikasikan berdasarkan ciri-ciri manifestasi dan persekitaran kognitif. Kesemua faktor ini dapat membantu pendengar dan pembaca dalam menghasilkan satu interpretasi makna sebenar.

Diane Blackmore (1992) (Norhashimah Jalaluddin1994) yang menyokong kuat teori relevan menyatakan bahawa dalam komunikasi, makna yang hendak disampaikan tidak semestinya dihasilkan daripada makna yang harfiah. Penutur selalu menghasilkan satu set proposisi dalam ujarannya. Sebahagiannya dilahirkan secara langsung melalui

makna perkataan-perkataan yang digunakan dan sebahagian lagi dihasilkan secara tidak langsung dan diperoleh maklumatnya melalui inferens. Proposisi bukan sekadar bentuk abstrak untuk menentukan kebenaran dan ketidakbenaran ujaran, malah proposisi juga merupakan konsep yang boleh melahirkan berbagai sikap seperti kepercayaan, kehendak dan ketentuan. Buktinya ayat yang sama boleh digunakan dalam acara yang berbeza untuk menghasilkan sikap yang berbeza bagi proposisi yang dilahirkan.

Di dalam Teori Relevan, Sperber dan Wilson (1986) melihat bagaimana ayat itu diproses terutamanya bagi jawapan yang tersirat. Sebagai contoh :

A: Do you like rugby ?

B: I am a New Zealander.

C: Yes, I do

Daripada contoh di halaman sebelah, A bertanya B dan C sama ada meminati sukan ragbi. B menyatakan bahawa beliau merupakan rakyat negara New Zealand manakala C meminati sukan ragbi. Jika dilihat dari contoh di atas apakah hubungan di antara *New Zealand* dengan *sukan ragbi*. Kemampuan pendengar memproses jawapan yang tidak langsung ini akan membantu interpretasi makna. Ini jelas menunjukkan bukan setakat faktor budaya yang diambil kira. Di sinilah letaknya peranan faktor kognitif. Jawapan tidak langsung atau tersirat akan menggalakkan pendengar membuat spekulasi atau mungkin seterusnya membuat kesimpulan daripada secebis maklumat yang tidak dihasilkan daripada jawapan langsung seperti dalam jawapan C.

Justeru Teori Relevan menekankan tentang bagaimana membimbing pendengar atau pembaca memproses apa-apa yang dikomunikasikan berdasarkan ciri-ciri

manifestasi dan persekitaran kognitif. Kesemua faktor ini akan dapat membantu pendengar menghasilkan satu interpretasi makna sebenar. Selain itu Teori Relevan juga memberi penekanan kepada apa jua bentuk komunikasi yang boleh difahami di antara penutur dan pendengar. Norhashimah Jalaluddin dalam kertas seminarnya telah menegaskan bahawa ( Fazilah Mat Zin 53:2004) :

“ Teori Relevan ini menekan kepada apa jua bentuk komunikasi yang cukup nyata iaitu dalam perbualan, penutur haruslah mempunyai maklumat sebanyak mungkin dengan harapan pihak pendengar akan dapat memprosesnya dengan kos yang rendah”.

Berdasarkan hujah yang diberikan, tiga gagasan utama yang menjadi tunjang utama dalam Teori Relevan telah dikenalpasti iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses. Ketiga-tiga faktor ini haruslah bergabung supaya mesej yang hendak disampaikan mencapai tahap relevan yang optima. Apabila sesuatu ujaran mencapai tahap ini, maka ujaran itu dianggap relevan. Teori Relevan juga dikaitkan dengan kognisi kerana pencipta teori berpendapat peranan otak terlibat dalam merancang komunikasi dan menganalisis mesej bagi pihak pembaca. Tiga gagasan yang telah disebutkan tadi kadang kala dibantu oleh sub-gagasan seperti pengayaan, pemilihan rujukan dan penyahtaksan maklumat.

Teori Relevan juga bersandarkan kepada wawasan bahawa apa yang ditekankan dalam ujaran ialah kerelevanannya dan bukan kebenaran mutlak dan ini jelas dapat difahami seperti dalam petikan :

“ Humans tend to pay attention to the most relevant phenomena available: that they tend to construct the most relevant possible representations of these phenomena, and to process them in a context that maximize their relevance. Relevance and the maximization of relevance, is the key to

human cognition” (Sperber & Wilson,1986:12)

(Norhashimah Jalaluddin 1994:74)

Seterusnya untuk mendapatkan apa yang dikatakan relevan yang maksimum ialah dengan mematuhi definisi yang diberikan oleh Sperber dan Wilson iaitu:

- a) Other things being equal, the greater the contextual effects, the greater the relevance
- b) Other things being equal, the smaller the processing effort the greater the relevance ( Sperber & Wilson 1986:125)

( Sumber : Norhashimah Jalaluddin 1994:74)

Apa yang cuba di sampaikan oleh Sperber dan Wilson adalah ujaran yang bersandarkan konteks yang banyak berserta usaha memproses maklumat yang rendah akan menjamin kerelevanan sesuatu ujaran.

### **2.8.1 Konteks**

Konteks dalam pandangan Teori Relevan bermaksud:

- a) Konteks itu berlaku dalam psikologi penutur, penterjemah, pembaca atau sesiapa sahaja yang terlibat dalam komunikasi tersebut.
- b) Konteks tidak diberi tetapi dipilih mengikut kesesuaian.
- c) Pencarian konteks ini bergantung kepada penjanaan makna yang relevan dalam sesebuah komunikasi.

Menurut Sperber dan Wilson (Norhashimah Jalaluddin 1990:453), konteks adalah seberkas andaian mengenai dunia. Konteks dibina secara psikologis oleh pendengar. Konteks tidak terhad kepada maklumat mengenai persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu tetapi boleh juga melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian am tentang budaya, kepercayaan terhadap pemikiran si penutur, kesemuanya boleh memainkan peranan dalam interpretasi.

Konteks juga bukanlah sesuatu yang statik. Ia sentiasa berubah selaras dengan setiap maklumat yang diterima. Perubahan ini adalah perlu untuk memadankan konteks dengan maklumat. Salah padanan antara kedua-duanya boleh mengakibatkan maklumat tersebut disalah tanggap oleh pendengar. Konteks pemula boleh dikembangkan dengan tiga cara iaitu yang pertama dengan melihat ke arah tulisan yang terdahulu. Apa yang dimaksudkan dengan melihat ke arah tulisan terdahulu adalah secara logiknya seseorang penulis itu tidak akan menggunakan satu ayat sahaja untuk menyampaikan mesej. Pembaca harus memahami apa yang ditulis berdasarkan satu kesatuan atau wacana keseluruhan sajak tersebut untuk memahami konteks.

Menurut Sperber dan Wilson (Fazilah Mat Zain 2004:55), pemahaman pembaca berdasarkan kesatuan atau wacana keseluruhan sajak untuk memahami konteks adalah sangat penting untuk membantu pembaca mengembangkan konteks pemula yang diberikan oleh penulis. Oleh sebab itu konsep ujaran bermanifestasi sangat ditekankan dalam Teori Relevan kerana ujaran yang bermanifestasi akan membantu pembaca memahami dan menginterpretasi makna yang tersirat dengan mudah. Cara yang kedua adalah dengan melihat kepada keadaan persekitaran. Apa jua keadaan yang berlaku di persekitaran manusia akan membantu mengembangkan konteks. Seperti dalam sajak,

latar dan suasana memainkan peranan yang penting dalam penulisan sesebuah sajak tersebut. Sekiranya sesebuah sajak yang ditulis pada tahun 60 an, maka latar atau suasana persekitaran ketika itu menjadi tema bagi penulis untuk menulis sajak. Justeru pembaca dapat memahami sesebuah sajak itu dengan merujuk kepada keadaan persekitaran ketika era 60 an. Keadaan inilah yang membantu pembaca dalam mengembangkan konteks dalam pemikirannya.

Seterusnya cara yang ketiga adalah dengan merujuk kepada catatan ensiklopedia. Perkataan yang pernah kita tempuhi dalam hayat kita akan tetap tersimpan di memori jangka pendek apabila ia tidak digunakan. Perkataan ini tetap tersimpan sebagai catatan ensiklopedia. Catatan ini berguna bagi mengembangkan konteks terutama apabila perkataan yang tersimpan di memori jangka pendek ini hendak digunakan semula. Sejajar dengan kepentingan konteks dalam bidang pragmatik, penulis akan cuba menunjukkan bagaimana maklumat konteks ini akan dapat membantu pembaca memahami petikan sajak tersebut. Penulis mengambil contoh petikan rangkap pertama dan rangkap kedua daripada sajak *Tanahair* yang ditulis oleh Usman Awang pada tahun 1956 :

*Engkau, tanahku, pemilik perut yang berbudi  
penampung hujan, penyedut sinar matahari  
engkau lahirkan anak-anakmu; semaian petani  
tidak pernah berhenti engkau lakukan  
tidak pernah berhenti petani-petani membelai-belaimu*

*Engkau, tanahku, ibuku yang murni  
jasamu berjuta-juta tak terperi  
tenagamu dalam perutmu yang tak mati-mati  
aku kepunyaanmu dan kepunyaanku*



Dalam contoh sajak di atas, konteks boleh di bina berdasarkan kepada waktu sajak ini ditulis iaitu pada tahun 1956. Suasana persekitaran ketika sajak ini ditulis adalah penting untuk membantu pembaca memahami sajak tersebut. Umum mengetahui bahawa pada tahun tersebut adalah tahun menuntut kemerdekaan. Daripada konteks pertama yang di bina oleh pembaca dengan melihat pada tahun sajak ini di tulis, pembaca dapat membuat tafsiran bahawa sajak tersebut adalah berkisarkan tentang semangat perjuangan rakyat Malaysia dalam menuntut kemerdekaan. Gantinama *engkau* di dalam sajak tersebut merujuk kepada tanah air yang pada ketika itu dikenali sebagai Malaya.

Berdasarkan kepada konteks pemula ini, peluasan konteks boleh dilakukan sejajar dengan penambahan maklumat. Dengan bantuan daripada konteks, maka pembaca seterusnya dapat membuat andaian bahawa rangkap pertama dan kedua sajak tersebut menceritakan tentang perasaan penyajak (penulis sajak) yang menyatakan negaranya kaya dengan hasil bumi dan tanah yang subur serta negaranya (Malaya) telah berbakti kepada rakyat. Justeru negara dan rakyat tidak dapat dipisahkan. Seterusnya pembaca akan terus mengembangkan lagi konteksnya dengan melihat sejarah sebelum merdeka dan suasana masyarakat di tanahair ketika sebelum merdeka.

Selain itu terdapat tiga sub- gagasan yang selalu berganding rapat dengan konteks dalam Teori Relevan iaitu penyahtaksaan ( disambiguation), pemilihan rujukan ( reference assignments ) dan pengayaan ( enrichment ). Ketiga-tiga sub-gagasan ini penting bagi mendapatkan makna ujaran yang sebenar. Pada setiap tahap sama ada pengayaan, pemilihan rujukan atau penyahtaksaan, pembaca seharusnya mencari jalan keluar yang melibatkan usaha penggunaan sub-gagasan tersebut semimumum yang mungkin untuk mengelakkan usaha memproses maklumat yang berpanjangan. Ketiga-

tiga sub-gagasan ini merupakan konsep tambahan yang mengiringi konsep Teori Relevan ( Fazilah Bt Mat Zin, 2004:59).

Kesimpulannya, konteks merupakan satu elemen yang berperanan penting bagi membolehkan ujaran mengambil tempat. Untuk melicinkan proses penyampaian mesej, pengembangan konteks haruslah dilakukan dengan menggunakan sama ada salah satu daripada atau ketiga-tiga cara tersebut ataupun menggunakan kesemuanya. Setelah konteks berjaya dikembangkan, pendengar pula harus memastikan adakah konteks yang dibekalkan oleh penutur berjaya menghasilkan kesan konteks bagi membantu interpretasi makna seterusnya.

### **2.8.2 Kesan Konteks**

Setelah mengetahui konteks (sila lihat 2.8.1), pembaca seterusnya dapat pula membentuk kesan konteks. Kesan konteks amat penting untuk menghuraikan kefahaman. Sesuatu ujaran dianggap lebih relevan jika mempunyai lebih kesan konteks. Kesan konteks terbina apabila andaian awal si pendengar atau pembaca berjaya digabungkan, dikukuhkan atau digugurkan dengan konteks sesuatu ujaran. Pendengar atau pembaca selalunya mempunyai konteks awal yang tersendiri apabila berbual, membaca atau melihat sesuatu. Satu implikasi konteks akan terbina apabila konteks awal ini bertemu dengan konteks yang sebenarnya. Dalam perbualan, pendengar akan membina kemudiannya memproses beberapa andaian sebagai wacana awalan. Latar belakang konteks akan terus berubah selagi ada maklumat baru ditambah. Ini bermakna kita akan terus membuat andaian baru kepada andaian yang telah sedia ada dan juga yang telah diproses pada peringkat awalnya.

Bagi mengelakkan kekeliruan, pendengar mestilah sentiasa sedar bahawa apabila seseorang menginterpretasi sesuatu ujaran, mereka tidak hanya terbatas kepada andaian lama yang sedia ada, tetapi juga harus peka dengan kehadiran maklumat serta andaian baru. Selain itu perkara yang amat penting mengenai kesan konteks ialah andaian bahawa konteks yang berbeza akan menghasilkan interpretasi pragmatik yang berbeza. Ada tiga cara bagaimana kesan konteks diperoleh iaitu :

- a) Menggabungkan dengan konteks yang sedia ada bagi menghasilkan kesan konteks.
- b) Menguatkan lagi andaian yang telah sedia wujud.
- c) Melakukan pertentangan maklumat dan menggugurkan andaian lemah yang wujud.

Berdasarkan hujah yang diberikan oleh Sperber dan Wilson (1986) tentang bagaimana proses kesan konteks diperoleh, Norhashimah Jalaluddin di dalam bukunya *Bahasa dalam perniagaan: satu analisis semantik dan pragmatik* (2003) telah memberikan contoh yang mudah bagaimana tiga cara di atas dapat dihuraikan.

### **2.8.2.1 Penggabungan**

Penggabungan maklumat berlaku apabila andaian awal pendengar dapat digabungkan dengan maklumat baru penutur untuk menghasilkan kesan konteks yang dapat membantu pendengar memproses mesej penutur dengan mudah. Contohnya :

### **Latar belakang konteks :**

(a) Ali berandaian jika tidak ada kuliah hari ini, dia akan pergi ke Kajang.

Ali berjalan menuju ke dewan kuliah dan ternyata:

(b) Kuliah dibatalkan.

Daripada andaian yang wujud dalam (a) dan maklumat baru dalam (b), Ali dapat merumuskan beberapa maklumat lanjut yang tidak boleh dirumuskan sama ada daripada andaian yang sedia wujud, iaitu (a) atau maklumat baru (b) untuk merumuskan (c), iaitu:

(a) Ali akan ke Kajang

### **2.8.2.2 Penguatan**

Penguatan maklumat ialah proses apabila andaian awal pendengar dapat dikuatkan dengan maklumat baru yang diberikan oleh penutur. Malah maklumat awal itu dapat disahkan dan ternyata betul untuk membentuk kesan konteks yang baik dan berguna kepada pendengar untuk membantunya dalam menginterpretasikan makna ujaran tersebut. Sebagai contoh:

### **Latar belakang konteks:**

Ali sedang menunggu bas dan terdengar satu deruman enjin kenderaan berat. Ali membuat andaian bahawa :

(a) Bas sudah sampai

Sesampainya kenderaan itu ternyata:

(b) Ia memang bas.

Dalam hal ini, (b) memperkuat atau mengesahkan andaian awal yang terbentuk. Lebih banyak andaian yang dapat diperkuat, lebih relevanlah sesuatu ujaran itu.

### **2.8.2.3 Pengguguran**

Pengguguran maklumat pula ialah proses berlakunya pertentangan maklumat antara andaian awal pendengar dengan maklumat baru penutur. Dalam hal ini, telah berlaku percanggahan andaian. Mana-mana andaian yang lemah antara kedua-dua maklumat ini akan digugurkan untuk membantu kesan konteks yang lebih baik.

Contohnya:

#### **Latar belakang konteks:**

Ali sedang menunggu bas dan terdengar deruman kenderaan berat lalu membentuk andaian bahawa:

(a) Bas sudah sampai.

Sesampainya kenderaan itu ternyata:

(b) Bukan bas yang sampai tetapi lori.

Di sini telah berlaku pertentangan maklumat. Apabila hal ini berlaku, mana-mana maklumat yang bertentangan dengan konteks harus digugurkan.

Daripada huraian dan contoh yang diberikan, dapatlah dikatakan bahawa lebih banyak kesan konteks yang dimiliki oleh sesuatu andaian itu, maka semakin relevanlah andaian tersebut. Namun begitu kos pemprosesan juga harus di ambil kira kerana dalam menentukan kerelevanan sesuatu maklumat, kita memerlukan kesan konteks dan juga kos memproses maklumat. Dalam bab seterusnya penulis akan membincangkan tentang kos memproses dalam melengkapkan tiga gagasan utama dalam teori relevan seperti yang telah disebutkan dalam bab sebelum ini ( sila lihat 2.8).

### 2.8.3 Kos Memproses ( Usaha Memproses )

Satu lagi konsep penting dalam Teori Relevan iaitu usaha memproses maklumat harus dititikberatkan selain daripada konteks dan kesan konteks dalam menentukan kerelevanan sesuatu maklumat. Usaha memproses ini merujuk kepada usaha memproses maklumat oleh si pendengar atau pembaca. Bagi penulis, usaha memproses amat penting bagi memastikan tulisannya dapat difahami dengan mudah oleh para pembaca manakala bagi penutur, usaha memproses amat penting bagi pemahaman pendengar. Sekiranya ia mudah difahami maka kos memproses maklumat tersebut dapat dianggap rendah tetapi jika sebaliknya, maka kos proses bagi maklumat tersebut dianggap tinggi. Sebagai contoh:

- a) Saya tinggal di Cheras.
- b) Saya tinggal di Taman Mulia.

Contoh di atas menunjukkan bahawa, ujaran (a) lebih mudah diproses jika dibandingkan dengan ujaran (b). Pendengar akan lebih biasa dengan nama **Cheras** jika dibandingkan dengan nama **Taman Mulia**. Jika penutur memberikan maklumat seperti yang terdapat

dalam (b), dan pendengar kebetulan bukan orang yang berasal dari **Cheras**, sudah pasti nama taman tersebut agak sukar diproses berbanding ujaran (a). Soalan susulan bagi maklumat yang diberikan akan meningkatkan lagi usaha memproses maklumat. Justeru, penutur bertanggungjawab untuk memastikan bahawa ujarannya mudah diproses supaya tahap kerelevannya tinggi.

Berdasarkan huraian dan contoh yang diberikan, untuk mengurangkan usaha memproses maklumat, ujaran tersebut haruslah jelas dan nyata (Norhashimah Jalaluddin 1990: 454 ). Contohnya seperti ungkapan yang berbentuk seperti bahasa kiasan seperti yang dipaparkan contohnya tadi (sila lihat 2.8.1). Pembaca harus peka kepada penggunaan perkataan yang betul kerana setiap perkataan mempunyai konteksnya yang tersendiri. Dengan berpandukan konteks, pembaca harus mencari padanan yang tepat dan sesuai antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Dengan itu, apa yang cuba di sampaikan oleh penulis akan dapat difahami dengan baik.

Setelah perbincangan tentang tiga gagasan utama yang mendasari Teori Relevan, penulis akan melanjutkan perbincangan tentang implikatur dari sudut pandangan Sperber dan Wilson (1981) bersama-sama Teori Relevan. Perbincangan tentang implikatur sebelum ini ( sila lihat 2.2), telah pun dibincangkan dari sudut Teori Grice (1975). Di sebabkan pemilihan Teori Relevan sebagai teori pilihan, adalah penting bagi penulis untuk turut sama membincangkan implikatur dari sudut pandangan Teori Relevan yang di asaskan oleh Sperber dan Wilson (1981).

## 2.9 Implikatur Dari Sudut Pandangan Teori Relevan

Pada bab sebelumnya penulis telah pun membicarakan implikatur dari sudut pandangan Grice (1975) bersama-sama prinsip kerjasama yang di perkenalkan oleh beliau. Prinsip kerjasama yang terdiri daripada empat maksim walaubagaimanapun mendapat kritikan hebat daripada ahli-ahli bahasa. Selaras dengan pemilihan Teori Relevan sebagai teori pilihan bagi kajian ini, justeru penulis akan membicarakan implikatur dari sudut pandangan Teori Relevan beserta beberapa contoh bagaimana implikatur diproses dengan menggunakan Teori Relevan.

Menurut Sperber dan Wilson (1986) (Norhashimah Jalaluddin1991:478) implikatur memang wujud dalam perbualan sehari-hari. Fodor (1963) sendiri pernah membicarakan bagaimana pendengar memproses sesuatu ujaran bagi mendapatkan makna sebenar. Menurut Fodor (1963), perbualan selalunya membabitkan perkara yang berikut :

- a. pembentukan hipotesis
- b. pengesahan hipotesis

Pembentukan hipotesis merupakan satu proses kreatif yang melibatkan pemberian alasan secara analogi tentang apa-apa perkara yang belum diketahui. Apabila proses ini selesai dan sesuai dengan kepercayaan si pendengar, barulah pengesahan hipotesis ini dapat dilakukan. Pengesahan hipotesis bergantung bukan sahaja pada domain pengetahuan terdekat (*neighbouring domain of knowledge*) tetapi pada konsepsi seseorang individu terhadap dunia juga. Masalah yang wujud dalam pembentukan dan



pengesahan hipotesis ini disebabkan adanya proses-proses yang bersifat sejagat dan proses setempat.

Proses sejagat melibatkan pengetahuan apa sahaja tentang dunia dan kadangkala maklumat yang diproses di peringkat ini tidak mempunyai kaitan langsung dengan maklumat sebenar yang diperkatakan. Contohnya dalam membentuk hipotesis saintifik untuk menjelaskan data yang kecil, pengkaji dibenarkan bergantung pada ilmu-ilmu yang lain yang ada kena mengena dengan data yang bakal dikaji. Hal ini selalu berlaku dalam pengkajian ilmu sains tulen. Sementara itu proses setempat melibatkan pentafsiran maklumat terhadap pada topic yang diperbincangkan dan yang sedang diproses. Proses ini tidak melibatkan maklumat dunia yang tidak bersangkutan dengan maklumat yang sedang diproses.

Justeru dalam membincangkan implikatur perbualan, hanya proses setempat sahaja yang terlibat dan bukannya proses sejagat. Hal ini demikian kerana maklumat yang diproses terhadap kepada maklumat yang dibincangkan sahaja dan berlatarkan masyarakat dan budaya penutur dan pendengar sendiri. Memandangkan implikatur merupakan suatu proses pemerolehan mesej yang tersirat yang diproses oleh pendengar, beberapa perkara harus diambilkira. Justeru faktor-faktor seperti konteks, implikasi atau kesan konteks dan kos proses menjadi tunjang utama kepada pemprosesan mesej yang tersirat.

Teori Relevan mempunyai prinsip yang cukup nyata iaitu dalam perbualan, penutur haruslah mempunyai maklumat sebanyak mungkin dengan harapan pihak pendengar akan dapat memprosesnya dengan kos yang rendah atau dengan kata lain penutur dapat membekalkan segala maklumat yang bakal diperbualkan dan memastikan

pendengar dapat memahami serta menginterpretasi maklumat tersebut dengan mudah dan secepat mungkin. Selain kos pemrosesan, konteks dan kesan konteks harus juga diambilkira. Konteks selalu terbekal pada ujaran tetapi tidak bagi kesan konteks. Dalam usaha memproses proposisi, pendengar secara sistematik menyedari kesan konteks dalam ruang konteks yang kecil, mudah dan cepat manakala kesan konteks yang terhasil mengandungi proposisi yang telah diproses.

Ujaran sentiasa bertambah dan berubah. Namun segala perubahan mestilah mengikut proses yang teratur. Maklumat yang tersimpan kemas dalam memori setiap manusia dapat diandaikan seperti entri ensiklopedia yang dapat dinilai dengan mudah dengan kehadiran set proposisi yang diproses berasaskan konsep yang sedia ada dalam otak si pendengar. Apabila wujud pertambahan proposisi dengan konteks akan membolehkan pendengar memperoleh kesan konteks. Topik tentang kesan konteks telah pun di perbincangkan pada bab sebelum ini ( sila lihat 2.8.2).

Dalam membicarakan implikatur, dua perkara harus diambilkira, iaitu andaian implikatur dan kesimpulan implikatur. Gabungan antara andaian implikatur dan kesimpulan implikatur akan membentuk implikatur. Andaian implikatur adalah andaian yang dibuat oleh pendengar sendiri berdasarkan jawapan penutur. Andaian ini terbentuk daripada ujaran penutur yang disampaikan secara tidak langsung. Ujaran ini diproses dalam lingkungan konteks yang difahami oleh kedua-dua penutur dan pendengar. Peranan andaian implikatur bukanlah untuk mewujudkan sebarang kesan konteks tertentu, tetapi berperanan untuk membentuk kandungan yang dapat dirujuk bagi sesuatu ujaran. Keadaan ini merupakan pra syarat yang penting dalam mana-mana kesan konteks. Daripada kesan konteks, pendengar seterusnya akan dapat membuat

kesimpulan tentang implikatur dengan berkesan. Selalunya kesimpulan itu merupakan kesimpulan yang tepat.

Walaupun ujaran implikatur menuntut usaha proses yang tinggi dan dianggap bertentangan dengan Teori Relevan tetapi kekayaan kesan konteksnya dan konteks persekitaran yang menjadi taruhan telah menjadikan ujaran itu tetap relevan. Buktinya ujaran implikatur seringkali berjaya ditafsir dengan berkesan. Ini membuktikan bahawa tabiat manusia yang mampu mentafsir apa sahaja makna yang cuba disampaikan jika cukup konteks dan kesan konteksnya (Norhashimah Jalaluddin & Norsimah Mat Awal:2006: 10). Kekuatan sesuatu implikatur akan bergantung kepada sebanyak mana maklumat implisit yang cuba disampaikan mampu disingkap oleh pendengar mahupun pembaca. Jelasnya tidak kira sama ada mesej yang disampaikan itu secara eksplisit mahupun implisit, konteks yang melatarinya harus diambil kira dan penutur mesti memastikan yang dia telah membekalkan maklumat yang jelas untuk ditafsirkna seterusnya oleh pendengar. Oleh sebab itu teori relevans menegaskan :

“ If a speaker wishes to constrain the interpretation recovered by a hearer, he must constrain the hearer’s choice of context. And since the contructions we are considering ensure correct context selection at minimal processing cost, they can be regarded as effective means for constraining the interpretation of utterances in accordance with the principle of relevance”(Blackmore 1992,137)

(Norhashimah Jalaluddin & Norsimah Mat Awal:2005:10)

Untuk melihat bagaimana pendengar dapat membuat kesimpulan tentang implikatur dengan berkesan, penulis akan memaparkan contoh yang di utarakan oleh Norhashimah Jalaluddin dalam kajian beliau berkenaan *Keimplisitan Ujaran: Satu Analisis Teori Relevans* :

- (a) Ali : Ahmad minum coca-cola ?
- (b) Abu : Ahmad tidak minum minuman bergas.

Berdasarkan contoh di atas, Abu cuba memberikan jawapan yang mengizinkan pendengar iaitu Ali membuat andaian implikatur iaitu:

- (c) Coca-cola sejenis minuman bergas.

dan seterusnya Ali pun akan membuat kesimpulan implikatur daripada (b) juga, iaitu :

- (d) Ahmad tidak minum Coca-cola

Ujaran Abu dalam (b) akan mengimplikasikan kedua-dua (c) dan (d). (b) adalah pra syarat penting bagi membolehkan (c) diperolehi. Ayat (c) pula merupakan pra syarat penting untuk membolehkan pendengar memperoleh keseluruhan kesan konteks dan seterusnya membuat kesimpulan implikatur. Jelasnya ayat (b) akan mencetuskan andaian implikatur dan kesimpulan implikatur bagi membantu pendengar mendapat mesej yang sebenar. Ternyata ayat (b) memang memberikan kesan yang kuat. Namun yang demikian wujud persoalan mengapa Abu menghasilkan ayat (b) dan tidak terus memberikan jawapan seperti :

- (e) Ahmad tidak minum Coca-cola

Apa yang dapat dijelaskan di sini ialah Ali sebagai penutur percaya bahawa terdapat maklumat tambahan yang diberi dalam jawapan (b) dan jawapan itu mempunyai relevannya tersendiri. Abu merasakan inilah cara terbaik dalam memberikan jawapan

berserta sebab musababnya sekali. Penutur juga merasakan inilah maklumat alternatif yang dapat dibekalkannya. Mungkin Ali sedang memikirkan apa yang hendak dihidangkan kepada Ahmad. Maklumat daripada Abu ini akan memberi jalan kepada Ali untuk bertindak bijak. Ali mungkin akan terus menghidangkan minuman panas yang sudah tentu tidak akan menjadikan masalah kepada Ahmad untuk meminumnya. Sekiranya Ali menghidangkan minuman bergas kepada Ahmad tanpa mengetahui kedudukan Ahmad, dan jika hidangan itu tidak disentuh oleh Ahmad, sudah tentu penolakannya terhadap pelawaan minum akan menimbulkan berbagai macam persoalan dan spekulasi daripada Ali. Jawapan yang menghasilkan implikatur daripada Abu itu tadi secara tidak langsung telah memberikan jawapan **tidak** kepada air bergas itu berserta dengan alasannya sekali.

Justeru contoh di atas telah menunjukkan dengan jelas betapa peranan Teori Relevan yang amat penting. Penutur haruslah menjangka dan memerhatikan bahawa maklumat yang bakal dihasilkannya akan melahirkan implikatur. Penutur juga harus peka tentang kewibawaan pendengar untuk memproses maklumat daripada ujarannya. Salah satu caranya adalah dengan memastikan kedua-dua penutur dan pendengar berada dalam konteks yang sama. Kemudian pendengar dapat membentuk kesan konteks. Selain itu, penutur harus memastikan yang implikatur ini mempunyai kos proses yang rendah dan setimpal dengan maklumat yang diperolehi oleh pendengar. Mana-mana implikatur yang melibatkan kos proses yang banyak akan menyebabkan maklumat yang disampaikan itu tidak relevan dan sukar. Hasilnya implikatur yang cuba disampaikan tidak sampai kepada matlamatnya dan menjadi sia-sia. Dengan kata lain, idea implikatur yang cuba hendak disampaikan oleh penutur akan lebih mudah ditentukan jika ujaran penutur yang mengandungi andaian dan kesimpulan implikatur yang khusus yang hendak dibekalkan kepada pendengar itu jelas. Daripada huraian yang diberikan,

jelaslah menunjukkan bahawa konteks, kesan konteks dan kos pemprosesan sebagaimana dianjurkan oleh Teori Relevan sangat sesuai diterapkan bagi menjelaskan implikatur.

Selain daripada contoh yang telah diberikan, terdapat juga implikatur yang melibatkan bahasa figuratif seperti bahasa kiasan, metafora, hiperbola, ironi dan sebagainya. Masyarakat Melayu terutama golongan tua lebih menggunakan bahasa figuratif di tempat yang khusus sahaja. Tujuannya adalah sebagai pemanis bicara, untuk memberi nasihat, berbincang supaya hasil yang bakal diperoleh itu tidak akan menyinggung perasaan sesiapa malah mewujudkan suasana yang harmoni. Implikatur jelas tergambar dalam bahasa figuratif. Penggunaan bahasa ini akan hanya dapat difahami oleh penutur yang benar-benar memahami selok-belok bahasa dan masyarakat Melayu. Contohnya:

A: Kami bercadang untuk menyunting bunga di taman Cik Nah

B: Anak saya itu masak nasi pun masih mentah. Dia pun masih  
nak belajar lagi.

Contoh di halaman sebelah melibatkan orang Melayu jati yang arif tentang bahasa Melayu dan wujud dalam upacara peminangan. Upacara seperti ini penuh adab sopan dan memang sering diamalkan. Perkataan *bunga* dalam ayat penutur A merujuk kepada *anak dara*. Di sini dapat dilihat penutur A menyampaikan hajat untuk meminang anak B dengan ayat *menyunting bunga*. Jawapan penutur B yang belum mahu bermenantu dinyatakan dengan cara yang sehalus mungkin agar tidak menyinggung perasaan orang yang meminang dan sekaligus memberikan alasan kepada penolakan itu. Ia jelas digambarkan dalam jawapan yang diberikan oleh B iaitu “*Anak*

*saya itu masak nasi pun masih mentah*”. Jawapan yang diberikan oleh B ternyata menimbulkan implikatur yang memberikan jawapan **tidak mahu**. Kenyataan B yang tidak mahu bermenantu di kuatkan lagi dengan maklumat tambahan iaitu dengan ayat *“Dia pun masih nak belajar lagi”*. Daripada perbincangan terhadap kajian-kajian terdahulu, bahasa figuratif yang paling ketara yang menyumbang kepada kewujudan implikatur adalah metafora, hiperbola, ironi dan bahasa kiasan. Justeru penulis akan melanjutkan perbincangan seterusnya terhadap empat unsur ini kerana ia juga merupakan unsur penting yang turut menyumbang kepada kewujudan implikatur.

### **2.9.1 Metafora**

Metafora merupakan kelompok bahasa kiasan, iaitu sejenis bahasa perbandingan secara langsung dengan menyatakan sesuatu yang jelas menimbulkan makna lain. (Nawawee Mohammad 1986:17). Sebagai contoh:

budak itu lembu

Ayat di atas merupakan ayat yang merupakan metafora di mana lembu merupakan objek untuk menyampaikan idea perbandingan yang implisit iaitu budak yang dirujuk tidak pandai dan degil sebagaimana seekor lembu.

### **2.9.2 Hiperbola**

Hiperbola merupakan gaya bahasa puisi yang pemilihan perkataannya membawakan penghayatan yang berlebih-lebihan. Penggunaan gaya ini selalunya dengan tujuan untuk menekankan sesuatu pandangan, perasaan dan pemikiran (

Rahman Shaari 1991:153). Sebagai contoh dalam sajak *Sumpah Anak Watan* oleh Adi Badiozaman Tuah :

Kita titis air mata darah  
Kita hembus nafas panas api

Ayat yang dipetik dari rangkap pertama sajak *Sumpah Anak Watan* menunjukkan ciri-ciri hiperbola. Penulis sebenar sajak cuba menggambarkan perasaan yang berkobar-kobar sehingga sanggup menitiskan air mata darah dan nafas yang dikeluarkan seperti hembusan api. Pada dunia realiti, tidak mungkin hal ini akan terjadi. Inilah yang dikatakan sebagai penghayatan yang berlebih-lebihan.

### **2.9.3 Ironi**

Ironi merupakan kata-kata yang bermaksud lain daripada yang sebenarnya, yang dikenali juga dengan *bahasa terbalik*. Selain itu ia juga merupakan jenis gaya bahasa, iaitu penggunaan bahasa yang membawakan makna bertentangan dengan kenyataan atau ketaksesuaian di antara harapan dengan kenyataan (Rahman Shaari 1991:154). Contoh dipetik dari sajak *Orang Bestari Kini* oleh A. Wahab Ali:

Zaman sekarang zaman rakyat

Ayat di atas menunjukkan *bahasa terbalik* dan ayat tersebut sepatutnya berbunyi rakyat zaman sekarang.



#### 2.9.4 Bahasa Kiasan

Bahasa kiasan merupakan keterangan mengenai sesuatu hal yang disampaikan secara perbandingan agar lebih berkesan. Bahasa ini timbul apabila fikiran menghubungkan sesuatu dengan yang lain, iaitu mungkin kerana keadaan berhubung dengan pengalaman yang umum, bersamaan atau bertentangan dengan sesuatu hal. Sesuatu objek atau konsep dibandingkan dengan yang lain, sama ada suasana ataupun manusia (Rahman Shaari 1991:150). Sebagai contoh:

Bila mendapat bunga yang baru  
Bunga yang lama tidak berguna  
Adat dunia memang bergitu

Perkataan *bunga* dalam ayat pada baris pertama melambangkan perempuan atau wanita dan bukannya *bunga* yang merupakan salah satu jenis tumbuhan.

Hasil daripada perbincangan yang dibuat, jelas menunjukkan perbezaan ketara antara implikatur dari sudut pandangan Grice (1975) dan Sperber dan Wilson (1981). Walaupun implikatur itu didefinisikan sebagai makna yang tersirat, namun pendekatan dalam menganalisis implikatur berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Grice (1975) dan Sperber dan Wilson (1981) adalah jauh berbeza. Ternyata Teori Relevan tidak perlu bergantung kepada maksim seperti mana yang dikemukakan oleh Grice (1975). Langkah-langkah dan penjelasan yang dikemukakan dalam Teori Relevan tentang analisis implikatur amat jelas dan mempunyai kekuatan yang tersendiri.

## **2.10 Kesimpulan**

Setelah penulis meneliti setiap elemen penting dalam teori-teori yang telah dijelaskan tadi, penulis berpendapat Teori Relevan yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson yang digandingkan dengan teori full system semantics (sistem semantik penuh) mampu memberikan satu interpretasi makna yang berwibawa dan mantap serta dapat melihat kepada kewujudan implikatur dalam sesebuah sajak. Justeru kedua-dua teori semantik dan pragmatik ini terpilih bagi melihat kewujudan implikatur dalam sajak yang menjadi perbincangan utama dalam kajian ini.